

BAHASA MELAYU DALAM WARKAH MELAYU TERPILIH

Raja Masittah Raja Ariffin

Abstrak

Kajian ini menganalisis aspek-aspek linguistik yang terdapat dalam warkah Melayu terpilih (WMT) yang terdiri daripada lapan pucuk warkah yang ditemui dalam abad ke-16 hingga abad ke-19. Data diperoleh daripada *The Legacy of the Malay Letter (Warisan Warkah Melayu)* (1994) yang diusahakan oleh Annabel Teh Gallop dari 'British Library', London. Kajian mikro ini berdasarkan pendekatan diakronik yang melihat ciri-ciri linguistik tentang sistem pengejaan Jawi, morfologi dan perbendaharaan kata.

Pada keseluruhannya, hasil kajian telah menunjukkan bahawa:

- (i) Wujudnya persamaan dan perbezaan dalam sistem pengejaan Jawi, morfologi dan perbendaharaan kata dalam WMT, dan
- (ii) WMT telah memberi satu gambaran penting tentang penggunaan bahasa Melayu dalam empat zaman.

Abstract

This study is concerned with an analysis of the linguistic aspects of eight selected Malay letters written in the period from the 16th to the 19th century. The data was extracted from The Legacy of the Malay Letter (1994) compiled by Annabel Teh Gallop from the British Library, London. This micro study is based on the diachronic approach and attempts to discover the linguistic characteristics of the Jawi spelling system, morphology and vocabulary.

In general, the findings show that:

- (i) *There are similarities and differences in the Jawi spelling system, morphology and vocabulary in the selected Malay letter, and*
- (ii) *The selected Malay letters provide a significant impression of the usage of the Malay language across four centuries*

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu pernah menjadi bahasa *lingua franca* di Indonesia, Singapura, Brunei, Thailand, Kemboja, dan Filipina. Selain digunakan untuk berkomunikasi dengan suku kaum Melayu, Aceh, Minangkabau, Jawa, Bali, Bugis, dan Madura, bahasa Melayu juga digunakan untuk berurusan dengan orang Cina, Arab, India dan orang-orang Barat seperti Inggeris, Belanda, Perancis, dan Portugal. Dengan kata lain, bahasa Melayu pernah menjadi bahasa utama dalam urusan pentadbiran dan perdagangan di Nusantara dan juga dengan negara-negara lain di dunia. Sebagai bahasa urusan dan pentadbiran perdagangan, maka banyaklah surat permohonan perdagangan dan surat-surat lain yang ditulis dalam bahasa Melayu yang dikirimkan antara pedagang dengan pemerintah, antara ketua negara Barat dengan sultan-sultan Melayu, dan seumpamanya. Surat-surat sedemikian banyak didokumentasikan dan disimpan di perpustakaan-perpustakaan di Barat untuk kajian para penyelidik.

Oleh itu, untuk menyedarkan orang ramai amnya dan para penyelidik khususnya tentang kewujudan dan kepentingan warkah-warkah ini, maka pameran demi pameran tentang warkah Melayu telah diadakan di merata-rata tempat dan negeri seperti di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, hasil kerjasama British Library, London pada pertengahan bulan September 1994; di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi anjuran Arkib Negara Malaysia/UKM pada bulan Mac 1996; di Johor Bahru anjuran Arkib Negara Malaysia/ Kerajaan Johor pada bulan Julai 1996; dan di Kota Kinabalu, Sabah anjuran Arkib Sabah pada bulan Ogos 1996. Walau bagaimanapun, setakat ini masih belum ada lagi kajian perbandingan yang dibuat secara terperinci dan sistematik tentang penggunaan bahasa Melayu khususnya aspek-aspek tertentu bahasa dalam perutusan surat-menyurat Melayu. Gallop dan Kratz (1994:8) dalam pendahuluan buku mereka, mencatatkan bahawa,

Surat-surat Melayu yang terindah menggabungkan segalanya yang paling halus dalam kebudayaan, tamadun dan estetika Melayu. Ini dapat dilihat dalam keindahan hiasan, kecantikan seni khat, kecanggihan perasaan agama yang terkandung dalam kepala surat, kerapian ukiran cap mohor, serta keelokan dan kehalusan bahasa puji-pujian kandungannya tidak diselidiki dengan baik, dan sedikit sangat surat yang pernah diterbitkan dan dibincangkan.

Menyedari akan hakikat ini, pengkaji berhasrat untuk memanfaatkan warkah-warkah yang terpilih daripada koleksi ini sebagai data dalam kajian yang akan diusahakan.

MASALAH KHUSUS

Setakat ini belum ada lagi kajian khusus dan terperinci tentang aspek-aspek linguistik berdasarkan warkah-warkah yang masih tersimpan di perpustakaan-perpustakaan di Barat itu, terutama kajian yang memberi penumpuan terhadap pendekatan diakronik. Sejauh yang diselidiki, hanya terdapat beberapa makalah yang ditulis oleh para akademik tempatan yang skop kajiannya menyentuh ciri-ciri linguistik dengan hanya mengambil dua warkah lama sebagai data kajian mereka. Selain itu, terdapat juga sebuah buku yang diterbitkan pada tahun 1991, yang kajiannya tertumpu pada bentuk bahasa Melayu yang digunakan pada abad ke-16 sahaja yang berdasarkan sebuah manuskrip tertua yang pernah ditemui. Memandangkan kajian yang pernah dibuat belum begitu komprehensif sifatnya, maka pengkaji cuba memecahkan masalah ini dengan membuat kajian secara mikro, iaitu menggunakan pendekatan linguistik diakronik yang melihat dan meninjau aspek-aspek linguistik dalam empat zaman, iaitu melibatkan abad ke-16, 17, 18, dan abad ke-19. Walaupun demikian, kajian ini tidak melibatkan sebarang hipotesis.

TUJUAN KAJIAN

Tidak banyak kajian yang dibuat tentang aspek-aspek linguistik dalam warkah Melayu lama mungkin disebabkan oleh kekurangan atau ketiadaan warkah-warkah seumpama itu di perpustakaan-perpustakaan di Malaysia. Atau, mungkin juga warkah-warkah lama tersebut ada tersimpan di institusi-institusi tertentu, tetapi tidak terdedah kepada pengetahuan para penyelidik. Ada kemungkinan juga para penyelidik lebih memberikan penumpuan kepada penyelidikan lapangan yang datanya diperoleh melalui bahasa lisan dan bukannya bahasa tulisan.

Annabel Teh Gallop, Kurator British Library, London, telah mendokumentasikan warkah-warkah Melayu yang terdapat di British Library dan memperkenalkannya melalui pelbagai pameran di Barat dan juga di alam Melayu, dan seterusnya menghasilkan sebuah karya yang memuatkan seratus warkah Melayu yang berjudul *Warisan*

Warkah Melayu yang diterbitkan pada tahun 1994. Penerbitan buku ini telah menyedarkan para penyelidik tentang kewujudan warkah-warkah penting untuk dibuat kajian.

Dalam makalah ini, pengkaji berminat untuk meninjau penggunaan bahasa Melayu yang terkandung dalam warkah-warkah Melayu sepanjang empat abad itu secara diakronik dengan memfokus beberapa aspek linguistik seperti aspek sistem ejaan Jawi yang digunakan, morfologi dan perbendaharaan kata.

Tujuan utama kajian ini ialah:

- (a) Meneliti dan membentangkan ciri-ciri linguistik seperti sistem ejaan, morfologi, dan perbendaharaan kata yang terdapat dalam warkah-warkah Melayu dalam abad ke-16, 17, 18 dan 19.
- (b) Mendapatkan gambaran tentang penggunaan bahasa Melayu yang wujud dalam warkah-warkah Melayu terpilih. Melalui penelitian ini nanti dapatlah dikesan persamaan dan perbezaan tentang ciri-ciri linguistik menerusi empat zaman.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mikro secara diakronik yang akan diusahakan ini akan dapat:

- (a) Mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang wujud dalam sistem ejaan, morfologi, dan perbendaharaan kata sepanjang empat abad dari abad ke-15 hingga abad ke-19.
- (b) Memberi maklumat tambahan dan seterusnya menarik perhatian para pengkaji lain dalam bidang berkaitan untuk meneruskan kajian secara terperinci dan komprehensif, iaitu bukan sekadar kajian mikro tetapi kajian makro.

PEMBATASAN KAJIAN

Ruang lingkup kajian merangkumi aspek-aspek linguistik seperti sistem ejaan, morfologi, dan perbendaharaan kata yang digunakan dalam warkah-warkah Melayu yang merentasi empat abad. Pengkaji tidak menggunakan semua 100 pucuk warkah yang terakam dalam buku *Warisan Warkah Melayu* (1994) koleksi British Library sama ada yang asal (dalam tulisan Jawi) ataupun yang telah sedia ditransliterasi

daripada tulisan Jawi kepada Rumi sebagai data kajian. Untuk kajian ini, hanya lapan pucuk warkah yang dipilih sebagai data kajian.

Kajian ini mempunyai pembatasan dari segi pendekatan. Pengkaji akan menjalankan kajian secara mikro, mengikut pendekatan linguistik diakronik, iaitu mengkaji penggunaan sistem bahasa Melayu merentasi empat zaman. Kajian tidak menyentuh linguistik sinkronik yang meneliti sistem bahasa yang sezaman sifatnya. Pengkaji tidak mengemukakan sebarang hipotesis untuk kajian ini. Pembatasan kajian terbahagi kepada dua, iaitu pembatasan dari segi lapan warkah Melayu yang dipilih, dan keduanya, pembatasan dari segi pendekatan yang melibatkan analisis ejaan, morfologi dan perbendaharaan kata sahaja. Pilihan warkah hanya terbatas pada warkah berbahasa Melayu dan tidak termasuk warkah berbahasa lain seperti bahasa Jawa, Sunda dan lain-lain.

Warkah-warkah Melayu terpilih terdiri daripada warkah yang mempunyai subjek atau bidang yang berbeza dan terdiri daripada pengirim dan penerima yang berlainan. Namun begitu, pengkaji memilih warkah yang mempunyai pengirim dan penerima yang sama bagi warkah dalam abad terawal, iaitu yang bertarikh pada tahun 1521 dan 1522 kerana kedua-dua warkah ini merupakan antara yang terawal yang sesuai untuk dibuat kajian perbandingan dengan warkah-warkah lain pada abad seterusnya, sama ada yang asal (dalam tulisan Jawi) ataupun yang telah sedia ditransliterasi daripada tulisan Jawi kepada tulisan Rumi.

Dua warkah dipilih bagi mewakili setiap abad ditunjukkan pada Lampiran A dan B. Warkah-warkah tersebut adalah seperti yang berikut:

Abad ke-16 (tahun 1521 dan 1522)

1. Warkah Melayu terawal, 1521 No. 129: Daripada Sultan Abu Hayat (dari Ternate) kepada King John III Portugal, yang menggunakan dakwat yang ditulis pada kertas Eropah, berukuran 381 × 293 mm. (Lisbon Arquivos Nacionais Torre du Tombo, Gavetas 15-16-38).
2. Warkah Melayu kedua terawal, 1522, No 131: Daripada Sultan Abu Hayat, Ternate kepada King John III, Portugal yang menggunakan dakwat pada kertas Eropah yang berukuran 408 × 256 mm (Lisbon Arquivos Nacionais Torre du Tombo, Gavetas 15-15-7).

Abad ke-17 (tahun 1602 dan 1615)

3. Surat bertarikh 1602, No.128: Keizinan beniaga untuk Kapten Inggeris di Aceh yang ditulis Dengan dakwat pada kertas Eropah, 2ff yang berukuran 210 × 174 mm. (Bodleian Library, MS Laud Or.e 5).
4. Surat bertarikh 1615, No. 140: Daripada Sultan Iskandar Muda Aceh, iaitu Sultan Perkasa Alam Johan kepada King James. 1, England (tahun Hijrah 1024) yang menggunakan dakwat, beriluminasi, dan warna keemasan pada kertas yang berukuran 950 × 420 mm. (Bodleian Library, MS Laud Or.Rolls b.l).

Abad ke-18 (tahun 1733 dan 1792)

5. Surat bertarikh September 1733, No.143: Daripada Sultan Gandam Syah dari Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur yang ditulis dengan dakwat pada kertas Belanda 'LVG', 2ff. 'Lamp-black seal' yang berukuran 445 × 281 mm (British Library, Sumatera Factory Records G/35/8, f.577).
6. Surat bertarikh 24 Mei 1792 (2 Syawal 1206), No. 148: Daripada Sultan Kedah kepada Francis Light, Gabenor Pulau Pinang yang menggunakan dakwat pada kertas Eropah, G. R. Cop mohor warna merah yang berukuran 181 × 209 mm
(British Library. Add. 45291, f.10).

Abad ke-19 (tahun 1819, 1847)

7. Surat bertarikh 19 Syaaban 1234 (13 Jun 1819), No. 198.: Daripada Farquhar, Singapura kepada Raja Bendahara Pahang, Tun Ali yang menggunakan dakwat pada kertas yang berukuran 200 × 127 mm (British Library Add. 12398. F.14v).
8. Surat yang bertarikh 18 Syaaban 1257 (5 Oktober 1847), No. 214: Daripada Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir di Singapura kepada E. Dulaurier di

Paris, 1 Ogos 1847 yang menggunakan dakwat pada kertas biru, 2ff yang berukuran 297 × 212 mm (Bibliothèque Nationale de France. Mal. Pol.139, No.5, ff. 27–28).

Korpus kajian ini terdiri daripada bahan bertulis dalam bentuk tulisan Jawi (naskhah asal) dan tulisan Rumi (naskhah transliterasi) yang telah diusahakan oleh Annabel Teh Gallop bersama-sama dengan pakar-pakar tulisan Jawi lama. Dalam usaha penelitian, pengkaji terpaksa mengandaikan bahawa penulisan warkah-warkah Melayu terpilih sama ada dalam tulisan Jawi ataupun Rumi memperlihatkan ciri-ciri linguistik yang wujud menurut zaman masing-masing.

DEFINISI OPERASIONAL

Dalam kajian dan penulisan, terdapat beberapa istilah dan perkataan yang memerlukan definisi serta huraian lanjut dalam konteks kajian ini. Istilah dan perkataan yang menjadi fokus ialah *pendekatan*, *diakronik*, *warkah*, *penulisan warkah*, dan *warkah Melayu terpilih*.

(a) Pendekatan

Teuku Iskandar (1994:264) mendefinisikan pendekatan sebagai kaedah (cara, langkah-langkah dan sebagainya) yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas (mengatasi masalah, dan lain-lain), dan Raminah Haji Sabran dan Rahim Syam (1986:29) menjelaskan bahawa pendekatan adalah berkaitan dengan proses pengendalian. Menurut Bailey (1984:48), pendekatan atau metodologi merupakan falsafah proses penyelidikan, termasuklah andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar alasan penyelidikan; ukuran dan kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan.

(b) Diakronik

Harimurti Kridalaksana (1983:33) menjelaskan bahawa diakronis adalah “bersifat historis, berkenaan dengan pendekatan terhadap bahasa dengan melihat perkembangannya sepanjang waktu.”

(c) Warkah

Menurut *Kamus Dewan* (1991), warkah ialah surat dan perkataan surat merupakan istilah yang ditemui umum, iaitu secebis kertas atau beberapa helai yang di dalamnya terkandung berita, keterangan, pernyataan, perjanjian, pengakuan, pertanyaan (Abdullah Hussain, 1970:10). Perhubungan dengan orang lain amat penting. Perbuatan mencatat pada kertas dinamai persuratan dan catatan yang dihantar kepada orang lain atau catatan yang diterima diberi nama surat atau warkah. Pada peringkat awalnya, pengiriman berita dilakukan melalui lisan. Tetapi, setelah manusia pandai menulis, utusan dibuat melalui surat. Pada mulanya pengutusan surat khusus untuk raja-raja sahaja, kemudian diikuti oleh surat untuk keluarga diraja, sahabat keluarga diraja seterusnya diperluaskan kepada kaum saudagar dan peniaga. Apabila perdagangan menunjukkan kemajuan, pengiriman surat menjadi penting.

(d) Penulisan Warkah

The World Book Encyclopedia (1992: 186) mendefinisikan penulisan warkah sebagai,

... a way of communicating a message in written words. People write letters for both business and personal reasons. Business letters are generally more formal than personal letters.

[... satu cara menyampaikan mesej dalam bentuk kata-kata. Manusia menulis warkah untuk tujuan perdagangan dan peribadi. Warkah perdagangan pada umumnya lebih formal sifatnya berbanding dengan warkah yang peribadi.]

Ini bererti, penulisan warkah merupakan satu kaedah berkomunikasi dan cara berhubung di antara individu dengan individu yang lain dalam bentuk tulisan bagi tujuan menyampaikan mesej atau maksud tertentu sama ada untuk tujuan perdagangan ataupun peribadi. Pada umumnya, warkah perdagangan lebih formal sifatnya berbanding dengan warkah peribadi. Warkah yang formal sifatnya merupakan surat rasmi, iaitu “surat yang ditulis dalam urusan rasmi, yakni dalam urusan-urusan yang berhubung dengan urusan pejabat ... Surat rasmi boleh ditulis oleh

seorang atas nama peribadinya atau atas nama pejabat atau syarikatnya” (Asmah Haji Omar, 1988:1).

(e) Warkah Melayu Terpilih (WMT)

Dalam konteks kajian ini, yang dimaksudkan dengan warkah Melayu terpilih ialah surat-surat yang ditulis dalam bahasa Melayu oleh pembesar dan pentadbir Barat ataupun institusi Barat kepada pemerintah dan sultan Melayu, dan begitu juga sebaliknya. Menurut William Marsden dalam *History of Sumatera* (halaman 42),

In common speech the term MALAY, like that of the continent of India, was almost synonymous with MOHAMEDAN.

[Dalam pengertian biasa, MELAYU, seperti juga pengertian MOOR di India hampir sama dengan pengertian MUSLIM.]

Menurut Abdullah Jumain (1993:100),

'Melayu', sebagai suatu istilah yang merujuk kepada nama bahasa dan bangsa cuma ada setelah wujudnya kerajaan Melaka yang kemudiannya berkembang sebagai sebuah kerajaan yang teragung. Sebelum ini istilah 'Melayu' belum lagi ada sebagai nama kolektif.

Blagden, C.O. (1899:211–3) berpendapat bahawa,

Istilah 'Melayu' hanya merujuk kepada nama sebuah tempat yang lokasinya sebuah tempat di Jambi pada abad ke-7 ... Pada peringkat awal, istilah 'Melayu' belum mantap sebagai sebuah istilah yang merujuk suatu kesatuan bahasa dan bangsa. Istilah-istilah yang wujud hanya merujuk kepada nama suatu kawasan atau kerajaan yang tertentu.

Asmah Haji Omar (1985:39–42) pula menjelaskan bahawa,

Istilah 'Melayu' sebagai istilah yang dapat digunakan dengan pengertian yang luas ... sebagai 'Melayu' yang merujuk kepada bangsa-bangsa atau penutur-penutur bahasa Austronesia yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan-kawasan yang secara tradisional disebut gugusan pulau-pulau Melayu, yakni pulau-pulau yang meliputi Indonesia yang ada sekarang ini ... UNESCO menyatakan bahawa dalam konteks Linguistik Bandingan, konsep 'Melayu' sama dengan konsep 'Indonesia' dalam pengelompokan bahasa-bahasa.

Winstedt menerangkan bahawa,

Istilah 'Melayu' bukan sahaja merujuk nama sebuah tempat yang lokasinya di Jambi (sekarang ini) tetapi Temasik atau Singapura lama pun dikenal sebagai 'Melayu'.

Amat Juhari Moain (1992:154) memberi pengertian tentang 'Melayu' sebagai,

... suku bangsa Melayu yang terdapat di Asia Tenggara, iaitu daripada etnik Melayu, berbahasa Melayu, beradat resam Melayu dan berkebudayaan Melayu.

Kesimpulannya, 'Melayu' yang lebih am sifatnya merujuk kepada suku bangsa yang berbahasa Melayu dan mendiami Semenanjung Tanah Melayu, pantai timur Sumatera, Brunei dan beberapa tempat lain yang berhampiran. Di Malaysia hari ini, istilah 'Melayu' disempitkan dan mempunyai implikasi agama Islam. Dalam perlembagaan Malaysia, orang Melayu antara lain ditakrifkan sebagai orang yang bertutur dalam bahasa Melayu, menganut agama Islam dan mengamalkan cara-cara hidup Melayu.

Kajian Lepas

Beberapa penyelidikan yang berkaitan bahasa Melayu dalam warkah Melayu yang berdasarkan beberapa buah manuskrip Melayu pernah dilakukan oleh para penyelidik. Asmah Haji Omar telah menghasilkan sebuah buku yang berjudul *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis*

Berdasarkan Teks Melayu 'Aqa'id al-Nasafi, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991. Kajian ini memperlihatkan bentuk bahasa yang digunakan pada abad ke-16 sahaja dan berasaskan manuskrip yang dianggap tertua yang pernah ditemui setakat ini. Dalam karya ini, dimuatkan juga evolusi bahasa Melayu dan beberapa aspek linguistik seperti ejaan Jawi, sistem morfonemik, morfologi, nahu, dan perbendaharaan kata.

Abdul Razak Abdul Karim (1994) telah membuat beberapa kajian analisis linguistik terhadap beberapa pucuk surat Melayu yang awal. Dalam makalahnya yang berjudul "Sultan Ternate 1521: Beberapa Analisis Linguistik" (1994:66-74), Abdul Razak memperkatakan sepintas lalu tentang sejarah kedatangan Islam di Asia Tenggara dan sejarah sistem ejaan Jawi, dan tentang surat Raja Tidore (Sultan Ternate) yang dianggarkan bertarikh pada 1521. Surat ini masih dikatakan warkah paling tua yang pernah ditemui yang kini disimpan di Lisbon. Warkah ini telah dihantar kepada Raja Portugal pada tahun 1521 dan merupakan surat terpenting sebagai bukti terawal penggunaan bahasa Melayu dalam hubungan antara dua buah kerajaan. Makalah ini cuba menganalisis ciri-ciri linguistik seperti sistem ejaan (yang melibatkan bunyi-bunyi konsonan dan penggunaan rangkap konsonan), pengimbuhan (imbuhan-imbuhan yang berbentuk kata kerja awalan dan akhiran, apitan, dan unsur-unsur penegas yang terdiri daripada sejumlah perkataan yang digunakan untuk memberi penekanan kepada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat), dan aspek pembentukan kata.

Sebuah lagi makalahnya yang membicarakan aspek-aspek linguistik dalam warkah Melayu ialah, 'Manuskrip Surat Kebenaran Berniaga oleh raja Aceh Kepada Kapitan Inggeris 1601: Satu Analisis Linguistik' yang tersiar dalam *Jurnal Filologi* (1994:49-67). Tidak dapat dinafikan bahawa warkah-warkah lama yang berbentuk manuskrip merupakan khazanah warisan bangsa Melayu yang tidak ternilai harganya dan dapat pula menggambarkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama pada era tersebut. Abdul Razak telah menggunakan warkah-warkah dalam bentuk manuskrip untuk meneliti dan menilai beberapa aspek linguistik seperti sistem pengejaan kata, penggunaan imbuhan dan lain-lain.

Berdasarkan kajian W.G. Shellabear (1898), terdapat enam pucuk surat lama yang telah dihantar oleh kerajaan Aceh kepada Raja Inggeris di England dan kepada para pedagang di sekitar pada tahun 1600 Masihi dan bahan-bahan ini masih tersimpan di British Museum, di Perpustakaan Bodleian (Oxford) dan di Universiti Leiden. Abdul Razak

telah memilih satu daripada manuskrip-manuskrip tersebut iaitu, 'Surat Kebenaran Berniaga kepada Kapitan Inggeris' yang bertarikh pada 1601 sebagai data kajiannya. Manuskrip tulisan tangan ini mengandungi empat muka surat yang ditulis dalam bahasa Arab oleh Raja Aceh dan ditujukan kepada Ratu Elizabeth. Manuskrip kedua, ketiga, dan keempat ditulis dalam tulisan Jawi dan dalam bahasa Melayu yang menurut Shellabear (1898), manuskrip tersebut tidak asli dan sebaliknya disalin semula daripada makalah asal dengan ditandatangani oleh seorang yang berbangsa Eropah. Dalam analisis yang dibuat, Abdul Razak menggunakan sistem ejaan yang tersendiri untuk menonjolkan beberapa perkara seperti penggunaan tanda baris dalam pengejaan kata-kata tertentu, penggunaan tanda diakritik, dan penggunaan tanda huruf yang tidak seragam dalam pengejaan sesuatu kata. Selain pengejaan kata, terdapat pula dua bentuk imbuhan, iaitu imbuhan kata nama (seperti apitan 'ke-an' dan 'per-an'), kata kerja (yang paling banyak digunakan dalam surat ini dan imbuhan yang digunakan ialah awalan 'meN-', 'di-' dan 'ber-') dan juga imbuhan yang masih lagi diwarisi daripada bahasa Melayu kuno. Aspek lain yang diteliti ialah penggunaan tanda-tanda diakritik pada huruf Jawi dan penggunaan yang tidak seragam akibat dipengaruhi oleh bahasa Arab.

Kajian yang pernah diusahakan oleh Abdul Razak tentang warkah-warkah Melayu terawal memberi penumpuan kepada ciri-ciri linguistik yang membabitkan morfologi, sistem ejaan, dan beberapa aspek yang lain. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa kajian yang dibuatnya bukanlah secara diakronik tetapi sekadar memerikan ciri-ciri linguistik dua warkah yang terawal sahaja, iaitu warkah tahun 1521 dan 1601. Walaupun kajian dua pucuk surat ini menampakkan duplikasi dari aspek linguistiknya tetapi pendekatan yang akan diusahakan oleh pengkaji adalah amat berbeza.

The Legacy of the Malay Letters (Warisan Warkah Melayu), oleh Gallop, terbitan tahun 1994, memuatkan bentuk fizikal surat-surat Melayu yang memperlihatkan hiasan yang indah, seni khat yang menarik, dan cop mohor yang berukir rapi. Surat-surat ini mempunyai bahasa yang baik lagi halus. Karya ini hanyalah merupakan sebuah katalog pameran yang mengandungi 100 pucuk surat yang merentangi empat abad, yang bermula dari manuskrip Melayu tahun 1521 yang dikatakan paling tua sehinggalah tahun-tahun menjelang abad ke-20. Dalam pendahuluan buku ini, Gallop merakamkan bahawa surat-surat yang terkandung dalam buku tersebut perlu dikaji dan diteliti sebaik

mungkin kandungannya, bentuk tulisannya, ejaan, perbendaharaan kata, dan sebagainya.

Oleh sebab kajian yang dilakukan oleh Gallop merupakan suatu kajian luaran sahaja maka pengkaji berminat untuk melakukan suatu penyelidikan linguistik tentang warkah-warkah tersebut. Dengan kata lain, pengkaji berpendapat bahawa kajian yang telah dibuat oleh Gallop ini tidak mencukupi sebagai suatu kajian linguistik kerana kajiannya lebih menumpukan aspek teknikal sahaja.

Usaha meneliti setiap ciri-ciri linguistik dalam warkah-warkah Melayu lama yang ditulis dalam tulisan Jawi lama merupakan satu proses yang kompleks. Usaha dan penelitian yang mendalam serta kemahiran diperlukan. Oleh sebab tiada kajian yang komprehensif pernah dilakukan dalam lingkungan skop kajian lepas, pengkaji berharap kajian yang ini dapat melihat penggunaan bahasa Melayu dalam empat abad yang terkandung dalam warkah-warkah Melayu terpilih khususnya dari segi sistem ejaan, morfologi, dan perbendaharaan kata.

Pendekatan Analisis

Pendekatan yang diterapkan untuk menganalisis bahasa Melayu dalam Warkah Melayu Terpilih (WMT) adalah berdasarkan kaedah sistemik, kaedah analisis komponen makna dan kaedah konteks yang dipelopori oleh Asmah Haji Omar yang diperkenalkan dalam bukunya *Bahasa Kesusasteraan Klasik Kedah*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1995.

Kaedah sistemik ialah kaedah yang memasukkan butiran-butiran ke dalam sistem-sistem tertentu seperti sistem pengejaan, sistem morfologi, penambahan, sistem ganti nama, sistem kata kerja bantu, sistem kata struktur, sistem kata wacana dan sistem frasa. Setiap sistem akan dibahagikan kepada subsistemnya, misalnya aspek morfologi yang berkaitan dengan sistem penambahan kata nama, kata kerja dan kata sifat. Penelitian dan analisis yang berdasarkan kaedah ini akan dapat memperlihatkan dengan jelas persamaan dan perbezaan antara ciri-ciri linguistik dan subsistem yang sama dan yang berbeza.


Kaedah konteks ialah kaedah yang melihat penggunaan butiran dalam konteks nahu dan konteks linguistik. Jelasnya, tidak semua kaedah dapat disesuaikan dalam analisis ini dan hanya kaedah sosio-linguistik yang difikirkan sesuai untuk diterapkan dalam kajian ini.

Dalam hal ini, pengkaji akan memilih konteks sosiolinguistik seperti penggunaan pelbagai ganti nama.

Oleh sebab data yang digunakan adalah berasaskan lapan pucuk WMT yang setiap satunya berbeza dan ditulis dalam zaman yang berbeza pula, maka analisis dibuat secara serentak dalam sistem dan konteks yang berkaitan. Dengan analisis ini, pengkaji akan dapat mengemukakan perbandingan melalui evolusi sesuatu sistem dan ciri-ciri linguistiknya untuk melihat persamaan dan perbezaannya dalam bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kajian kepustakaan sahaja dan berdasarkan linguistik diakronik menurut beberapa teori tentang linguistik am khususnya yang telah dihasilkan oleh ahli-ahli bahasa asing dan tempatan seperti Ferdinand de Saussure dan Asmah Haji Omar. Pengkaji mencuba menerapkan teori-teori mereka yang sesuai untuk menganalisis data kajian daripada WMT.

Untuk menguatkan hujah, pengkaji turut merujuk kepada buku Asmah Haji Omar yang berjudul *Rekonstruksi Kata Dalam Bahasa Melayu Induk* (1995), yang membicarakan hubungan sinkronik dan diakronik. Hubungan ini dapat digambarkan seperti yang berikut:



Hubungan antara BI dan BT merupakan hubungan garis menegak, iaitu hubungan yang menunjukkan berlakunya peredaran masa. Hubungan ini dinamakan hubungan diakronik atau hubungan berlainan zaman. Kognat-kognat dalam sesuatu bahasa yang sama terdapat dalam hubungan sinkronik mahupun hubungan diakronik. Bahasa yang mempunyai rekod bertulis sejak zaman-berzaman dapat disenaraikan. Bentuk akar diakronik boleh dikesan daripada bahan dalam bahasa Melayu. Kajian beliau menunjukkan bahawa tidak ada pola penggabungan

yang teratur, misalnya bagi perkataan 'hurai', dan 'urai'. Walau bagaimanapun, akar diakronik boleh dikenal pasti dengan mudah, bahkan boleh juga ditakrifkan maknanya. Bentuk-bentuk bukan akar tidaklah boleh dianggap sebagai penambah awalan seperti 'me-', 'ber-' dan sebagainya. Unsur-unsur ini disebut unsur pembentuk (Asmah Haji Omar, 1995:12).

Asmah turut mengemukakan teori bahawa "bahasa bermula daripada bentuk yang lebih kecil dan bergerak kepada bentuk yang lebih besar". Demikian juga dari satu suku kata kepada dua suku kata. Maka itu, bentuk akar dinamik dianggap sebagai bentuk akar sebenarnya atau bentuk akar jati. Akar yang dikembangkan dari akar jati dengan penggunaan pembentuk itu disebut akar terbitan akar jati, iaitu kata akar atau kata dasar. Berdasarkan teori ini, pengkaji mencuba menerapkan dan menyesuaikannya ke dalam perbendaharaan kata. Kata 'syahdan' misalnya, merupakan kata wacana yang menunjukkan peredaran masa banyak terdapat dalam bahasa Melayu klasik. Pengkaji akan menerapkannya dalam penggunaan perbendaharaan kata, khususnya yang berkaitan dengan kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga.


Ferdinand de Saussure dalam kajiannya tentang linguistik am yang terakam dalam *Cours de Linguistique Generale* (1916), telah menggunakan istilah linguistik diakronik untuk "clarify the contrast" (linguistik sinkronik). Dalam teorinya berhubung dengan linguistik diakronik, beliau memberi tumpuan terhadap hubungan antara unsur yang berturutan yang saling ganti-mengganti menerusi masa atau zaman. Maka itu, setiap bahasa akan mengalami perubahan dalam merentasi evolusinya zaman ke zaman.

Walaupun fonetik dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengannya merupakan aspek utama linguistik diakronik, tetapi menurut de Saussure, bunyi bukan sahaja berubah mengikut masa, malahan sebahagiannya hilang bersama-sama bentuk yang digunakan untuk mengungkapnya seperti yang berlaku kepada bahasa Latin dan bahasa Jerman. Demikian juga hal yang berlaku pada bentuk jamak. Dengan kata lain, sesuatu perbendaharaan kata yang wujud pada suatu zaman itu akan mengalami perubahan makna dalam zaman berikutnya. Menurut de Saussure lagi (1993:169), punca utama perubahan tersebut berlaku merupakan satu masalah yang paling sukar dalam linguistik. Walaupun banyak penjelasan yang telah dikemukakan, tetapi belum dapat penjelasan yang lengkap dan sempurna diberikan lagi. De Saussure telah memberikan istilah "substratum linguistik", iaitu proses penyerapan yang berlaku pada penduduk

tempatan oleh pendatang baru yang membawa pembaharuan. Pengkaji berpendapat bahawa kesimpulan de Saussure dapat dijadikan panduan untuk menganalisis korpus WMT.

Dalam menganalisis sistem pengejaan Jawi, pengkaji telah berusaha mengaplikasikan hasil penemuan Amat Juhari Moain dalam bukunya yang berjudul *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi* (1996).

Amat Juhari mengkategorikan sistem ejaan Jawi kepada pengaruh Arab dan pengaruh Melayu. Sistem ejaan Jawi yang menerima pengaruh Arab terbahagi kepada dua bahagian, iaitu ejaan Jawi yang menggunakan tanda-tanda baris bagi tujuan mengeja perkataan-perkataan Melayu asli, atau kata bahasa Arab yang dipinjam seperti perkataan *مَكِّي، دُو، اَكِّي*. Keduanya ialah sistem ejaan Jawi pengaruh Arab tanpa menggunakan huruf vokal dan tanda-tanda baris digugurkan. Dengan kata lain, ejaan bagi kata-kata yang tersebut di atas, masih tetap sama dan yang membezakannya ialah ketiadaan tanda baris, misalnya *مَكِّي، دُر، اَكِّي*. Menurut Amat Juhari (1996:33), "sistem ejaan Jawi tanpa baris ini sama seperti tulisan Arab gondol." Sistem ejaan Jawi ini lebih ringkas dan tidak banyak melibatkan proses menulis tanda baris atau diakritik. Namun demikian, perbendaharaan kata yang baharu atau yang boleh mengelirukan dari sudut sebutannya, masih diberi tanda baris untuk memudahkan penyebutannya dan memastikan makna yang betul. Jika berlaku ketaksamaan makna, konsep dan perbezaan tanggapan dan kekeliruan kefahaman akan timbul kerana banyak kata yang boleh dilafazkan menurut lebih daripada dua sebutan yang membawa kepada perbezaan makna. Contohnya ialah:



Kerangka Konseptual Kajian dan Justifikasi

Pengkaji melaksanakan kajian dengan cara yang berikut:

- (i) Mengumpulkan semua warkah yang telah dipilih dan mengasingkannya mengikut abad yang telah ditentukan. Pengkaji telah membahagikan dua pucuk warkah bagi setiap abad.

- (ii) Memastikan persamaan-persamaan yang wujud dengan meneliti tiga ciri linguistik yang ditemui dalam empat dekad tersebut. Aspek-aspek persamaan yang diteliti ialah sistem ejaan, morfologi dan perbendaharaan kata.
- (iii) Meneliti perbezaan-perbezaan yang ketara tentang ciri-ciri linguistik yang wujud dalam warkah-warkah empat zaman yang dikaji.
- (iv) Menyenaraikan persamaan ciri-ciri linguistik yang ditemui ke dalam satu jadual. Ciri-ciri linguistik yang menunjukkan persamaan akan diberi contoh-contoh, penjelasan dan dianalisis.
- (v) Menyenaraikan juga ciri-ciri linguistik yang telah dikenal pasti memperlihatkan perbezaan ke dalam satu jadual dan diberi beberapa contoh, penjelasan dan dianalisis juga.
- (vi) Persamaan dan perbezaan ciri-ciri linguistik yang ditemui sama ada dalam tulisan rumi dan jawi (dalam kurungan) dalam keempat-empat zaman akan disenaraikan dalam satu jadual supaya mudah dilihat. Ciri-ciri linguistik seperti sistem ejaan, morfologi dan perbendaharaan kata akan diberi ulasan dan justifikasinya.

ANALISIS DAN TEMUAN KAJIAN

Pengenalan

Tulisan Jawi berasal daripada tulisan Arab yang mula berkembang di Asia Tenggara pada sekitar abad ke-8 hingga ke-10 dengan penemuan-penemuan batu nisan yang bertulis dalam bahasa Arab di Sumatera (Tahun Hijrah 55 bersamaan Tahun Masihi 674), dan di Kedah (Tahun Hijrah 290). Namun, orang-orang Melayu telah mula menggunakan tulisan sejak abad ke-4 Masihi lagi, di Champa, Vietnam dan penemuan bahan tulisan berbahasa Melayu di Kota Kapur (Sumatera), di Minye Tujuh (Acheh), pada abad ke-14 yang menggunakan huruf India. Tulisan Arab-Jawi Melayu muncul setelah penemuan prasasti di Terengganu, manuskrip *Aqaid al-Nasafi*, dan surat-surat perjanjian, surat izin perdagangan, dan sebagainya. Tulisan Jawi banyak digunakan oleh orang-orang Melayu dan bangsa Melayu yang lain seperti di Bengkulu, Acheh, Jawa, dan sebagainya. Tulisan Jawi yang wujud berabad-abad lamanya telah mengalami evolusi dari segi sistem ejaan dan bentuk-bentuk hurufnya. Huruf Arab diserap dan dikekalkan sementara aksara

Jawi ditambah untuk kegunaan bahasa Melayu. Sistem ejaan Jawi juga telah berubah, bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan zaman.

Bahasa Melayu telah menjadi bahasa *lingua franca* di Asia Tenggara sejak abad ke-15 Masihi (Amat Juhari, 1990:3), dan menjadi bahasa perantaraan dari daerah kepulauan rempah di Indonesia Timur (Collins, 1980:3–4). Kemudiannya, telah tersebar ke Brunei dan ke Filipina Selatan; dan dari kerajaan Melayu Melaka, Aceh hingga ke Gujerat, iaitu pusat tumpuan pedagang-pedagang dari Asia Tenggara dan daerah-daerah lain. Bahasa Melayu begitu kukuh dan kuat serta paling berpengaruh sebagai bahasa perhubungan antara negara dan perdagangan antarabangsa di Asia Tenggara. Maka itu, bahasa ini telah digunakan oleh orang-orang Barat untuk berhubung dengan raja-raja dan pembesar-pembesar di Asia Tenggara. Tulisan Jawi dan bahasa Melayu telah digunakan dalam urusan surat menyurat antara raja-raja Melayu dengan raja Portugal, Inggeris dan sebagainya; dan antara raja Melayu dengan wakil raja asing atau pembesar asing yang datang ke Alam Melayu dan demikian pula sebaliknya.

Dalam WMT, khususnya dalam empat abad yang diteliti, terdapat beberapa pihak yang terlibat, iaitu raja Melayu kepada raja Inggeris, pembesar Melayu kepada syarikat perdagangan Inggeris, dan penulis kepada pembesar Inggeris. Berdasarkan analisis yang dibuat terhadap semua WMT, pada keseluruhannya terdapat persamaan dan perbezaan dalam sistem pengejaan Jawi, morfologi dan perbendaharaan kata. Penemuan-penemuan yang diperoleh dalam WMT dapat dirumuskan seperti yang berikut:

PERSAMAAN DAN PERBEZAAN

Sistem Pengejaan

Pada keseluruhannya, sistem pengejaan jawi yang digunakan ternyata tidak selaras dan tidak konsisten, misalnya perkataan-perkataan yang tercatat di bawah ini terdapat dalam beberapa bentuk ejaan yang berlainan menurut zaman dan abad masing-masing, iaitu:

Ejaan Nama Khas

Tidore : Ejaan Jawinya ialah تڤوري (WMT 1521) tetapi dalam abad yang sama (WMT 1522) ejaan Jawi yang digunakan ialah ترور.

Perbezaannya ialah penggunaan vokal ي dalam WMT 1521 sedangkan dalam WMT 1522, vokal ي ditiadakan.

Portukal : Dalam abad ke-16 (WMT 1521) ejaan Jawinya ialah فرتوكل sedangkan dalam WMT 1522, ejaan Jawinya terdiri daripada dua bentuk, iaitu فرتوكل, فرتوكل. Perbezaan yang nyata ialah penggunaan konsonan ف dan ث.

Ternateh/Ternate : Ejaan Jawi yang digunakan dalam abad ke-16 (WMT 1521), ialah ترناة dan ترناة sedangkan WMT 1522 perkataan tersebut dieja sebagai ترنات. Dalam hal ini terdapat variasi huruf Jawi ت dan ة.

Bangkaulu/Bengkulu : WMT 1615, mengemukakan ejaan Jawinya sebagai بڠكولول sementara WMT abad ke-19 (1819) perkataan tersebut dieja sebagai بڠكالولو.

Hollanda/Holanda : WMT 1847, memperlihatkan persamaan dalam ejaan Jawinya, iaitu هلندا tetapi berbeza dari sudut sistem pengejaan ruminya.

Inglitir : WMT yang terhasil dalam abad ke-17 (1602), memperlihatkan ejaan Jawi yang mempunyai empat bentuk tanda baris, iaitu tanda baris sepenuhnya dengan tanda sabdu (w) اُغليتر; tanda baris sepenuhnya tanpa sabdu (w) seperti اُغليتر dan اُغليتر; dan tanpa baris seperti اغليتر.

Gurnadur/gabenur : WMT abad ke-18 (1792), menggunakan ejaan Jawi كورندور sementara WMT abad ke-19 (1819), perkataan tersebut dieja sebagai كبنور. Ejaannya berbeza tetapi maksud dan makna perkataannya adalah sama.

(b) Ejaan Nama Am

karena, karana, kerana : WMT abad ke-16 (1521 dan 1522), menunjukkan penggunaan sistem pengejaan Jawi yang sama, iaitu کران

sementara ejaan Ruminya berbeza, iaitu 'karena' (WMT 1521), dan 'karana' (WMT 1522). Dalam abad ke-18 (WMT 1733 dan 1847), dan abad ke-19 pula, ejaan Rumi yang digunakan ialah 'karena' dan ejaan Jawinya ialah **کارن**.

nageri, negeri : Abad ke-16 (WMT 1521), menggunakan ejaan **نکبری** (nageri) tetapi dalam WMT 1522, ejaannya terdiri daripada dua bentuk, iaitu **نکري**, **نکري** (negeri). WMT abad ke-17 pula (1602 dan 1615), menunjukkan sistem ejaan yang sama, iaitu **نکبری**, tetapi WMT 1615, memperlihatkan satu bentuk yang berlainan, iaitu **نکپري** yang ditulis sebanyak tujuh kali. Ejaan yang digunakan dalam WMT 1733, ialah **نکبری** dan **نکري** sementara WMT abad ke-19 (1819 dan 1847), menggunakan ejaan **نکري**. Perbezaan yang timbul ialah variasi tanda titik dalam huruf Jawi **ک**, **ک**, dan **ک**.

binasa : Dalam WMT 1522, terdapat perkataan yang dieja dengan sistem pengejaan yang berbeza, iaitu **بناس**, **بناس** 'binasa'.

tahun, t(a)un, taun : WMT 1522 menggunakan dua sistem pengejaan Jawi yang berbeza, iaitu **تاؤن** 'tahun' dan **تون** 'taun' sementara WMT 1792, menggunakan ejaan **تاھن** 'tahun'. Walau bagaimanapun WMT 1819, menggunakan ejaan **تون** bagi perkataan 'tuan'.

seri : WMT abad ke-16, 17, 18 dan ke-19, memperlihatkan penggunaan sistem pengejaan Jawi yang berbeza, iaitu **سر** 'seri', (WMT 1615), dan **سري** 'seri' (WMT 1733 dan 1819). Ejaan Jawi (**سر**) juga digunakan untuk mengeja perkataan nama khas 'Serrao' (WMT 1521).

dua, duwa : Ejaan dalam WMT 1521 ialah **دوو** 'duwa' sementara WMT 1522) mengejanya sebagai **دو** 'dua'. Dalam jangka masa setahun sahaja telah ada perbezaan ejaan Jawi bagi perkataan yang sama.

kapal : WMT abad ke-16 (1522), menggunakan ejaan **کافل**, **کافل** sementara WMT abad ke-17 (1602), dan abad ke-18 (1733), perkataan tersebut dieja sebagai **کفل**.

ayahanda, ayandah : WMT 1522 menggunakan dua sistem pengejaan yang berbeza bagi perkataan yang mempunyai makna yang sama, iaitu **ایندہ** dan **ایهند**.

harta, arta : Dalam abad ke-16 dan ke-17 terdapat dua sistem ejaan Jawi yang berbeza kesan daripada pengaruh bahasa Sanskrit, iaitu **ارت** (WMT 1522) dan **هرتا** (WMT 1602).

lagi : Abad ke-17 (WMT 1602), menggunakan dua sistem ejaan yang berbeza, iaitu **لاک**, **لاکھی**; sementara WMT 1847 (abad ke-19), ejaannya ialah **لاکھی**. Perbezaan yang jelas ialah penggunaan tanda titik di atas **ک** dan tanpa titik **ک**; serta penggunaan vokal **ي** dan tanpa penggunaan vokal **ي** di hujung kata.

supaya : WMT 1733, menggunakan dua bentuk ejaan, iaitu **سوفاي** dan **شوفاي**; sementara WMT 1847, perkataan 'supaya' dieja sebagai **سفای**. Perbezaan yang ketara ialah penggunaan huruf **س** dan **ش** kesan pengaruh bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu pada abad ke-18. Demikian juga dengan penggunaan konsonan **ف** dan **ف** kesan pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu.

itupun : Ejaan Jawi dalam WMT 1733, ialah **ایتوفون** tetapi dalam abad ke-19 (WMT 1819), sistem pengejaannya agak longgar, iaitu **ایتوفون** dan **ایتفون**

Selain contoh-contoh ejaan nama am yang menunjukkan perbezaan dan persamaan yang ketara, terdapat juga beberapa contoh lain yang hanya memperlihatkan perbezaan dari sudut tanda baris, tanda titik dan penggunaan tanda vokal dan tanpa vokal di hujung kata. Contohnya adalah seperti yang berikut:

gandi : WMT 1522, menggunakan ejaan **گند** dan **کند**

dari : WMT 1522, menggunakan ejaan **در** sementara WMT 1819 mengejanya sebagai **دری**

segala : WMT 1602, menggunakan ejaan سکل dan سکل sedangkan WMT 1847, menggunakan ejaan سکل. Persamaan yang jelas ialah penggunaan konsonan 'ga' tanpa titik ك. Variasi 'ga' bertitik di bawah ك turut digunakan bagi mengeja perkataan yang sama yang terhasil dalam WMT yang sama (1602).

dengan : Abad ke-18 (WMT 1733), dan abad ke-19 (WMT 1819), menggunakan ejaan دغن, iaitu 'nga' bertanda titik tiga di atas manakala WMT 1602 mengejanya sebagai دغن (tanpa titik).

taufan : WMT 1602, menggunakan ejaan Jawi bertanda baris sepenuhnya صَلَوَانٌ dan tanpa baris صاوفان

takluk : Abad ke-17 (WMT 1602), menggunakan tanda baris sepenuhnya تَعْلُقُ dan tanda diakritik تعلق, serta tanpa baris تعلق; sementara WMT 1615, tidak langsung menggunakan baris, iaitu تعلق

segera, kepada : WMT 1819, menggunakan dua sistem pengejaan Jawi yang berbeza bagi mengeja perkataan 'segera', iaitu سگرا dan سگر; sementara 'kepada' dieja sebagai كندا dan كند. Ini menunjukkan wujudnya variasi konsonan 'ga' bertitik satu ك dan ك tanpa titik; konsonan ف dan vokal 'alif' (ا) sebagai 'a' di akhir kata, dan konsonan ق sebagai ف

Inggeris, Inggeri(s) : WMT 1733, menggunakan ejaan اغكري 'Inggeri(s)' sementara WMT 1847, menggunakan ejaan اغكزس. Perbezaannya ialah penggunaan tanda titik bagi konsonan 'ga', iaitu ك dan ك, dan menggugurkan س di hujung kata.

tujuh, tujuh : WMT 1792, menggunakan ejaan jawi توجه (tanda titiknya tidak begitu jelas, sama ada huruf چ (č) atau ج (j)). Walau bagaimanapun ejaan Ruminya menunjukkan č = چ. Dalam WMT 1522 pula ejaannya ialah توجه

Kekeliruan dan kesalahfahaman mengenal pasti maksud sesuatu perkataan dalam ejaan Jawi kerap berlaku apabila wujudnya persamaan ejaan, misalnya dalam WMT 1602, ejaan Jawi کام boleh bermakna 'kamu' atau 'kami', manakala مات boleh membawa maksud 'mati' atau 'mata'.

Daripada contoh-contoh yang dikemukakan, ternyata bahawa dalam abad yang sama, iaitu dalam tempoh setahun sahaja telah berlaku perubahan dan perbezaan sistem pengejaan khususnya ejaan Jawi. Dengan kata lain, sistem pengejaan Jawi mahupun Rumi masih belum mantap lagi.

Antara sistem ejaan yang memperlihatkan kelainan penggunaan huruf Jawinya ialah pada abjad Jawi ج, iaitu bagi perkataan جکروال 'cakrawala' yang terdapat dalam abad ke-18 (WMT 1792). Pada abad ke-19 (WMT 1819), pula terdapat perkataan 'sepucu' yang dieja sebagai سفوچوء sementara perkataan 'cenderamata' dieja sebagai چندامات. Perbezaan yang nyata ialah penggunaan abjad ج yang ditulis dengan berlainan tanda titik, iaitu 'ca' yang bertanda titik tiga ج bagi perkataan 'sepucu' سفوچوء dan چندرمات (WMT 1522), bagi 'cendera mata'; sedangkan perkataan 'cakrawala' ditulis ج, iaitu جکروال. Ejaan ini agak mengelirukan kerana wujudnya abjad ج dan چ yang boleh menyebabkan kelainan bunyi perkataan. Jika diteliti dalam abad ke-19 (WMT 1819), perkataan 'geografi' dieja betul dengan penggunaan abjad ج (ج), iaitu جوگرافي. Dalam WMT tahun 1521, ج digunakan bagi perkataan توجه tetapi ejaan Ruminya ialah 'tucuh', iaitu ج digantikan dengan 'č' sedangkan ejaan sebenarnya ialah 'tujuh', iaitu penggunaan huruf ج.

Bagi mengeja perkataan Inggeris pula seperti yang terdapat pada perkataan 'kopi' (copy) yang ditemui dalam WMT 1847, perkataan tersebut dieja sebagai کوفي; sementara WMT 1819, perkataan yang sama telah dieja sebagai کوفيا 'kupia'.

Pada keseluruhannya, sistem pengejaan yang digunakan dalam WMT terdiri daripada pengejaan kata dalam bahasa Melayu, bahasa Sanskrit dan bahasa Arab. Pada abad ke-16 (WMT 1521), dan abad ke-18 (WMT 1733), terdapat pengaruh sistem ejaan dan sebutan bahasa Arab (Islam) melalui penggunaan kata 'al' seperti الفتح 'al-fattah' dan

والله الكلام waallah'. Demikian juga dengan kata puji-pujian untuk Allah S.W.T, iaitu 'Alhamdulillah....' الحمد لله (WMT 1522), 'Insyallah' انشاء الله, 'Allah Ta'ala' الله تَعَالَى, dan قول الحق 'Qilal Haq' yang ditemui dalam WMT 1847. Satu ciri lagi yang menunjukkan pengaruh ejaan bahasa Arab dalam bahasa Melayu ialah penggunaan sabdu (w), seperti contoh yang terdapat pada perkataan سَمُدَر 'Sammudara' dan سَدَهله 'suddah-lah' dalam WMT 1602, dan penggunaan tanda 'koma di atas' (') untuk hamzah (ء) dalam bahasa Arab seperti perkataan سَجْو 'seju' (WMT 1733) dan سَفْوچوء 'sepucu' dalam WMT 1819.

Dari sudut penggunaan tanda baris, WMT mengemukakan penggunaan sistem ejaan yang menggunakan tanda baris sepenuhnya seperti أَك 'aku', كَارَم 'karam' dalam WMT 1602; penggunaan tanda baris separuh sahaja seperti مَات بَنَد 'mata benda' (WMT 1602), dan tidak ada langsung menggunakan tanda baris seperti لَآك 'lagi' (WMT 1522). Berdasarkan analisis yang dibuat, sistem ejaan Jawi yang menggunakan tanda baris sepenuhnya yang wujud dalam WMT tahun 1602, bukan sahaja bagi perkataan nama khas seperti nama negara bangsa malahan nama umum. Sistem pengejaan tanda baris sepenuhnya ditemui juga pada beberapa perkataan dalam WMT 1819, dan 1847, yang khususnya kepada nama khas seperti nama individu atau pegawai pentadbir kolonial seperti رِي 'Ray' dan nama penerbit seperti بُونْيَان پْرُغْرَس 'Bunyan Progress'. WMT tahun 1615, 1733 dan 1792, tidak langsung menunjukkan penggunaan sistem ejaan tanda baris sepenuhnya.

Ketidaksamaan dalam sistem pengejaan Jawi seperti ini agak nyata apabila pengkaji menemui beberapa perkataan yang sama tetapi tidak diberi tanda baris sepenuhnya mahupun tanda baris sebahagian sahaja, seperti pada kata nama khas مَرَسَدِين 'Marsden' رِي 'Ray' dan 'Hollanda' هَلَنْدَا yang ditemui dalam WMT abad ke-19. Fenomena ini berlaku hanya dalam abad terakhir kerana ada kemungkinan pada abad tersebut, masyarakat umum telah terbiasa dan mengetahui tentang nama-nama pegawai kolonial Belanda dan Inggeris. Lazimnya, kata nama khas yang awal sahaja diberi tanda baris sepenuhnya untuk memudahkan pembaca warkah. Perkataan-perkataan yang sama ternyata diulang dalam warkah tersebut dengan sengaja tidak diberi tanda baris kerana penulis warkah mungkin beranggapan pembaca atau penerima warkah telah

memahami maksud perkataan awalnya. Misalnya, اُعْلِيْزِ dan diikuti oleh اُعْلِيْبِرْ (WMT 1602). Demikian juga dengan tanda baris separuh sahaja yang hanya terdapat dalam WMT abad ke-16 dan ke-17, tetapi tidak ditemui dalam WMT abad ke-18 dan ke-19.

Berdasarkan penelitian yang dibuat, jelas menunjukkan bahawa WMT yang ditulis dalam abad ke-18 (1733 dan 1792) serta abad ke-19 (1819 dan 1847), tidak langsung mempraktikkan sistem pengejaan Jawi tanda baris sebahagian. WMT abad ke-17 (1615) dan abad ke-18 (WMT 1733, 1792), pula tidak langsung menggunakan tanda baris sepenuhnya. Dengan kata lain, pada pertengahan abad ke-17 hingga pertengahan abad ke-19, tanda baris tidak digunakan dalam sistem pengejaan Jawi untuk nama am, kecuali nama khas. Tanda baris sepenuh dan separuh banyak digunakan dalam WMT abad ke-17, khususnya dalam WMT 1602.

Pada keseluruhannya, penggabungan dua perkataan dalam bentuk satu ejaan berlaku apabila kata dasar atau kata hubung 'yang' dan 'dan' atau kata 'itu' dan kata depan 'akan' bercantum dengan perkataan tersebut. Namun demikian, sistem pengejaan ini tidak wujud dalam WMT 1521, pada awal abad ke-16 dan WMT 1615 pada abad ke-17. Penggabungan dua kata dalam satu bentuk ejaan apabila kata dasar bercantum dengan perkataan 'itu' dan 'yang' merupakan ciri linguistik yang lazim terdapat dalam semua WMT.

Pada umumnya, setiap WMT yang mewakili setiap abad memperlihatkan persamaan dengan menggunakan huruf tambahan dalam tulisan Jawi seperti ث 'nya' dan گ 'ga'. Ini amat nyata kerana huruf-huruf tersebut digunakan secara sewenang-wenangnya. Namun demikian, huruf 'nya' terdiri daripada pelbagai bentuk tanda diakritik seperti satu titik di bawah ب dan di atas ت, dua titik di bawah پ, tiga titik di bawah پ dan di atas ث dan tanpa titik ب. Dalam semua WMT yang diteliti, ternyata setiap WMT dalam setiap abad yang diwakili menggunakan huruf 'nya' bertitik tiga di atas ث seperti pada perkataan سَمَهَانْ 'semuhanya', yang ditemui dalam WMT tahun 1521; هَرْتَانْ 'hartanya' dalam WMT tahun 1522; دَلْمَنْ 'dalamnya' dalam WMT tahun 1602; هَتِيْنْ 'hatinya' dalam WMT tahun 1733; رِيْلَنْ 'rialnya' dalam WMT tahun 1792; حَاجَتَنْ 'hajatnya' dalam WMT tahun 1819; dan نَمَانْ 'namanya' dalam WMT tahun 1847. WMT tahun 1615 (abad ke-17) sahaja yang tidak menunjukkan penggunaan huruf ث

Dalam abad ke-17, khususnya WMT yang ditulis dalam tahun 1602, menggunakan huruf ‘nya’ dalam semua bentuk, iaitu bertitik satu di bawah ب seperti pada perkataan امفوب ‘empunya’ dan اورغب ‘orangnya’; ‘nya’ yang bertitik dua di bawah ب bagi perkataan حكمي ‘hukumnya’ dan كفلب ‘kapalnya’; bertitik tiga di bawah پ bagi perkataan فركتانپ ‘perkataannya’; bertitik tiga di atas ث seperti pada perkataan دلمن ‘dalamnya’; dan ‘nya’ tanpa titik ں seperti pada perkataan دبریں ‘diberinya’, دانس ‘dapatnya’. Ketidakselarasan dan kewujudan variasi konsonan ‘nya’ dalam sistem pengejaan Jawi jelas dalam WMT yang ditulis pada tahun 1602.

Kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa huruf ‘nya’ bertitik tiga di atas ث dan di bawah پ digunakan dalam semua WMT yang mewakili setiap abad, kecuali WMT tahun 1615, yang tidak menunjukkan penggunaan ث. Huruf ‘nya’ bertitik satu di bawah ب hanya digunakan dalam abad ke-17, iaitu WMT tahun 1602 dan 1615, tetapi WMT yang lain dalam abad ke-16, ke-18, dan ke-19 tidak langsung menggunakan huruf tersebut. Demikian juga dengan huruf ‘nya’ bertitik dua di bawah ب dan ‘nya’ tanpa bertitik ب tidak digunakan dalam WMT yang lain kecuali WMT yang ditulis dalam abad ke-17, iaitu WMT 1602 dan 1615. Dengan kata lain, semua bentuk ‘nya’ wujud dalam WMT abad ke-17, kecuali bentuk ‘nya’ yang bertitik dua di bawah ب yang hanya wujud dalam WMT tahun 1615.

Ketidakselarasan tanda titik bagi huruf tambahan ‘ga’ dalam tulisan Jawi terdapat dalam semua WMT yang diteliti. Pelbagai bentuk ‘ga’ wujud dalam WMT, iaitu ‘ga’ tanpa titik ك, ‘ga’ bertitik satu di atas گ, ‘ga’ bertitik satu di bawah گ, ‘ga’ bertitik tiga di bawah گ, dan ‘ga’ bertitik tiga di atas گ. Pada keseluruhannya, WMT menggunakan ‘ga’ tanpa titik ك dalam usaha mengeja perkataan-perkataan yang memerlukan huruf awal kata seperti كندم (WMT 1733), كوندور (WMT 1792), كولغ (WMT 1819), dan گنتي ‘ganti’ (WMT 1847); di tengah kata seperti بكيمان ‘bagaimana’ (WMT 1521), نكري ‘negeri’ (WMT 1522), سكل ‘segala’ (WMT 1602, 1615, 1847), dan سلگي ‘selagi’ (WMT 1792). Contoh-contoh penggunaan huruf ‘ga’ tanpa titik di akhir kata ialah لاگ ‘lagi’

(WMT 1522), لاک 'lagi' (WMT 1602), dan هرك 'harga', تیک 'tiga' (WMT 1792).

Abjad 'ga' yang bertitik satu di atas گ hanya wujud dalam WMT abad ke-17, ke-18, dan ke-19, contohnya ialah لاکي 'lagi' (WMT 1602), گبنور 'Gabnur' (WMT 1819) dan گولغ 'gulung' (WMT 1847). Abjad 'ga' bertitik satu di bawah گ, ditemui dalam abad terawal, iaitu abad ke-16 (WMT 1521 dan 1522), dan diikuti oleh abad ke-17 (WMT 1602, 1615), dan abad ke-18 (WMT 1733), tetapi tidak wujud langsung dalam WMT tahun 1792, dan WMT tahun 1819 dan 1847 dalam abad ke-19. Huruf 'ga' bertitik tiga di bawah گ telah ditemui dalam WMT tahun 1522, iaitu گند 'gandi'. WMT tahun 1615 pula mengemukakan perkataan 'gunung' dan نكري 'negeri' tetapi tidak wujud dalam WMT yang lain. Demikian juga dengan huruf 'ga' bertitik tiga di atas گ yang ditemui hanya pada abad ke-19 (WMT 1847), iaitu اکشتو 'Agustu', گورو 'guru', dan beberapa contoh lain.

Kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa penulis-penulis WMT abad ke-16 hingga abad ke-19 menggunakan huruf 'ga' tanpa titik گ dalam sistem pengejaan Jawi. Demikian juga dengan 'ga' bertitik satu di atas گ yang digunakan dalam abad ke-17 (WMT 1602), dan abad ke-19 (1819, 1847), tetapi sistem pengejaan Jawi ini tidak diamalkan dalam abad ke-16, abad ke-18, dan abad ke-17 khususnya dalam WMT tahun 1615. Namun demikian, sistem pengejaan Jawi yang menggunakan huruf 'ga' bertitik satu di bawah گ telah dipraktikkan dalam abad ke-16, abad ke-17, dan abad ke-18 (kecuali WMT tahun 1792). Sistem ini tidak langsung digunakan dalam WMT abad ke-19. Abjad 'ga' bertitik tiga di bawah گ dan bertitik tiga di atas گ amat sedikit digunakan dalam sistem pengejaan Jawi bagi keseluruhan WMT. Sistem ini dipraktikkan dalam WMT tahun 1522 seperti pada perkataan گند 'gandi'; dalam WMT tahun 1615, seperti pada perkataan گونغ 'gunung' dan dalam WMT tahun 1847 pula terdapat perkataan گورو 'guru'. Ketidakselarasan dalam sistem pengejaan Jawi ini bukan sahaja dapat dilihat dalam WMT yang dihasilkan dalam berlainan abad malahan ketidakselarasan dan perbezaan ejaan ini wujud dalam WMT yang terhasil pada abad yang

sama. Contohnya ialah نكر, نكري 'negeri' yang ditemui dalam WMT tahun 1522; نكري, نكري 'negeri' yang ditemui dalam WMT tahun 1602 dan نكري 'negeri' dalam WMT 1615, serta كنكري 'ke negeri' dalam WMT tahun 1819. Demikian juga dengan perkataan كولغ 'gulung' (WMT 1819) dan كولغ 'gulung' (WMT 1847).

Huruf 'nga' غ merupakan suku kata asal yang digunakan dalam sistem pengejaan Jawi. Berdasarkan penelitian yang dibuat, ternyata wujud persamaan dari segi penggunaan tanda titik bagi huruf tersebut. Pada keseluruhannya, WMT pada abad ke-16 hingga abad ke-19, menggunakan 'nga' غ dalam sistem pengejaan Jawi sama ada di tengah kata mahupun di akhir kata. Huruf 'nga' tanpa titik ع hanya wujud dalam abad ke-17 (WMT 1602), iaitu بارع 'barang'. Kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa huruf 'nga' bertitik tiga di atas غ adalah konsonan nasal yang paling banyak digunakan dalam WMT abad ke-16 hingga abad ke-19 berbanding dengan 'nga' tanpa titik ع

Konsonan چ 'ca' digunakan secara tidak konsisten dalam WMT. Ini dapat dilihat melalui beberapa contoh perkataan yang tertera dalam WMT yang diteliti. Antaranya ialah ejaan bagi perkataan توجه 'tucuh' (WMT 1521) tetapi dalam WMT tahun 1522, iaitu dalam abad yang sama, ejaannya ialah توجه 'tujuh'. Demikian juga dengan perkataan اچه dan اچه yang ditemui dalam WMT tahun 1602, manakala dalam WMT tahun 1615, ejaannya ialah اچه 'Aceh'. Dalam WMT tahun 1522, perkataan 'cendera mata' dieja sebagai چندرمات manakala WMT tahun 1733 perkataan tersebut dieja sebagai چندمات, iaitu tanpa konsonan ر 'r'. Dengan kata lain, abjad atau konsonan چ dan ج digunakan secara sewenang-wenangnya dan tidak menepati ejaan padanannya dalam huruf Rumi, misalnya توجه 'tucuh' (WMT 1521); كفرجيان 'kepercayaan', كجل 'kecil' dan اچه 'Aceh' (WMT 1602); dan جكروال 'cakrawala' (WMT 1792). Walau bagaimanapun, huruf چ wujud dalam setiap WMT pada setiap abad. Kewujudannya ternyata pada awal kata seperti چرمن 'cermin' (WMT 1615); di tengah kata, iaitu داچع 'dacing' (WMT 1733); dan di akhir kata seperti سوچ 'suci' (WMT 1819).

Penggunaan huruf 'p' ف dan 'f' ف kerap dicampuradukkan dalam sistem pengejaan Jawi. Pada keseluruhannya, konsonan 'p' ف digunakan dalam semua WMT kecuali WMT yang ditulis dalam tahun 1792 dan abad ke-19 (1847). Konsonan 'f' ف juga digunakan dalam semua WMT kecuali WMT tahun 1522. Jelasnya, penggunaan konsonan 'p' ف dan 'f' ف wujud secara sewenang-wenangnya dalam semua WMT. Sistem pengejaan Jawi dalam abad ke-16 menekankan penggunaan konsonan 'p' ف, di samping penggunaan 'f' ف dalam WMT tahun 1521 tetapi WMT tahun 1522 tidak langsung menggunakan konsonan 'f' ف. Berdasarkan penelitian yang dibuat, WMT tahun 1792 hanya menggunakan huruf 'f' ف sebagai konsonan dalam sistem pengejaan Jawi dan bukan konsonan 'p' ف. Dalam abad ke-19, khususnya WMT 1847 tidak pula menunjuk-kan penggunaan konsonan ف tetapi menggunakan konsonan ف. Selain penggunaan huruf ف dan ف secara sewenang-wenangnya dalam WMT, ketidakselarasan ini juga timbul apabila wujudnya penukaran konsonan tersebut kepada ق 'q'. Fenomena ini ditemui dalam WMT yang ditulis dalam tahun 1602 sahaja.

Dapat dikatakan bahawa semua WMT memperlihatkan kewujudan konsonan 'b' ب di awal kata seperti بوه 'buah' (WMT 1521 dan 1522), بلم 'belum' (WMT 1602), بات 'batu' (WMT 1615 dan 1733), بيت 'beta' (WMT 1792), بندھرا 'bendahara' (WMT 1819), dan بولن 'bulan' (WMT 1847). Contoh konsonan ب di pertengahan kata ialah فَلْبُزُون 'pelabuhan' (WMT 1521), ممبر 'memberi' (WMT 1522), افبيل 'apabila' (WMT 1602), لوبق 'lubuk' (WMT 1615), تابع 'tabik' (WMT 1733), صحابت 'sahabat' (WMT 1792), صحبت 'sahabat' (WMT 1819), dan تايك 'tabik' (WMT 1847). Persamaan ini amat ketara dalam semua abad. Walau bagaimanapun, kewujudan konsonan ب di awal dan di pertengahan kata amat ketara berbanding dengan di akhir kata. Pada keseluruhannya, beberapa perkataan yang ditemui memperlihatkan kewujudan pada akhir kata, iaitu اب 'Abu' (WMT 1522), يعقوب 'Yakub' (WMT 1615), هب 'hamba' (WMT 1733), dan كتاب 'kitab' WMT 1847).

Huruf 'ya' ي yang mewakili huruf 'i' merupakan salah satu huruf yang paling penting dalam sistem pengejaan Jawi. Dalam WMT yang diteliti, terdapat penggunaan huruf ini di awal, pertengahan dan di akhir kata. Pada abad ke-16 (WMT 1522), terdapat huruf ي yang mewakili huruf 'y' seperti pada singkatan 'k-r-y' كرى. Pada umumnya, huruf 'ya' bertitik dua di bawah ي atau ب di awal dan di tengah kata digunakan dalam sistem pengejaan Jawi, tetapi dalam WMT tahun 1602, terdapat huruf 'ya' tanpa titik ى, iaitu ejaan bagi perkataan تولوغى 'tolongi'.

Kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa sebahagian besar WMT pada setiap abad menggunakan huruf ي atau ب dalam sistem pengejaan Jawi, dan didapati hanya satu perkataan yang menggunakan huruf 'ya' tanpa titik ى yang ditemui dalam abad ke-17 (WMT 1602). Namun demikian, terdapat juga perkataan yang dieja tanpa menggunakan vokal ي di akhir kata, misalnya مارله 'marilah' (WMT 1521), در 'dari' (WMT 1522), ايس 'isi' (WMT 1602), سر 'seri' (WMT 1615), dan اورغكا 'orang kaya' (WMT 1733), sedangkan dalam semua WMT vokal ي digunakan di hujung kata, terutamanya pada abad ke-19.

Sistem pengejaan Jawi dari abad ke-16 hingga abad ke-19 yang digunakan dalam semua WMT memperlihatkan penggunaan huruf ن (yang merupakan huruf 'n' dalam ejaan Rumi) di awal, pertengahan dan di akhir kata. Namun demikian, perbezaan yang dapat dilihat ialah kaedah pengejaan Jawi yang berbeza untuk sesuatu perkataan itu. Contohnya ialah penggunaan huruf ن di awal kata bagi mengeja perkataan 'negeri' yang ternyata wujudnya kaedah pengejaan yang pelbagai. Dalam abad ke-16, perkataan tersebut dieja sebagai ناكري 'nageri' (WMT 1521), نكر dan نكري (WMT 1522), نكري (WMT 1602), نكري (WMT 1615), نكري (WMT 1733), نكري (WMT 1819), dan نكري (WMT 1847). Demikian juga dengan ejaan bagi perkataan 'tuan' dan 'kerana'. Kesimpulannya, sistem pengejaan Jawi pada abad ke-16 masih belum mantap berbanding dengan abad ke-17, ke-18 dan ke-19.

Pada umumnya, dalam WMT yang terhasil pada empat abad yang dikaji (kecuali WMT tahun 1522) ternyata wujudnya diftong / ai / dan / au / dalam sistem pengejaan. Diftong / au / dalam ejaan Rumi bahasa

Melayu diwakili oleh vokal و dalam ejaan Jawi. Contohnya, ماو 'mau' (WMT 1521), 'jikalau' جكالو (WMT 1602 dan 1733), 'pulau' فولو (WMT 1792) dan 1847), dan 'Bengkaulu' بنگكاولو (WMT 1819). Diftong / ai / pula diwakili oleh vokal dalam sistem pengejaan Jawi, contohnya ialah 'Jailolo' جائل ل (WMT 1521), 'sampaikan' سمفیکن (WMT 1602, 1792, 1819, dan 1847), dan 'Pasai' فاسي (WMT 1615).

Konsonan و 'wau' dalam huruf Jawi diwakili oleh vokal 'u' dalam bahasa Melayu. seperti مولوک 'Muluku' (WMT 1521), داک 'daku' (WMT 1602), dan موک ۲ 'Muko2' (WMT 1733). Pengguguran vokal و tidak berlaku jika konsonan ک berada di tengah suku kata seperti جکروال 'cakrawala' (WMT 1792), جكالو 'jikalau' (WMT 1847), dan juga di awal kata seperti کولج 'kolej' (WMT 1847). WMT tahun 1521, turut menunjukkan bahawa konsonan و (wau) yang mewakili vokal 'o' bagi kata nama khas (nama orang asing) mengalami pengguguran di akhir kata seperti pada perkataan فرغشک 'Francisco' (WMT 1521). Di sini menunjukkan wujudnya ketidakselarasan ejaan. Vokal و turut digugurkan apabila konsonan (selain konsonan ک) wujud pada suku kata akhir terbuka, contohnya کام 'kamu', هتیک 'hatiku', تاه 'tahu', دهول 'dahulu' (WMT 1602); يایت 'iaitu', بنگکول 'Bengkulu', تاه 'tahu', بات 'batu' (WMT 1615); دهولو 'dahulu', يایت 'iaitu', بات 'batu', سات 'satu' (WMT 1733); وبعده 'wabadahu' (WMT 1819 dan 1847); dan سوات 'suatu', تاه 'tahu'.

Dengan kata lain, pengguguran و berlaku dalam sistem ejaan Jawi bahasa Melayu apabila konsonan berada pada suku kata akhir terbuka, iaitu yang berpolakan KVK(V). Fenomena ini tidak berlaku kepada perkataan dalam bahasa Arab seperti وبعده 'wabadahu' (WMT 1819 dan 1847), yang berpolakan KKK. Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa WMT abad ke-16 hingga ke-19 memperlihatkan sistem pengejaan Jawi yang berpola secara tersendiri.

Sistem pengejaan Jawi bagi kata ulang atau kata berganda turut memperlihatkan perbezaan. Dalam abad ke-16 dan ke-17, sesuatu perkataan yang membawa maksud jamak atau kata ulang dieja secara penuh, iaitu ditulis dalam bentuk ganda penuh ataupun separa dengan menggunakan sengkang. Contohnya ialah کتق کانق 'kanak-kanak' (WMT

1522) dan انده انده 'indah-indah' (WMT 1615). Contoh ganda separa ialah برکاسه کسيهن 'berkasih-kasih' (WMT 1602 dan 1792), dan برکرم کریمین 'berkirim-kiriman' (WMT 1615). Sistem pengejaan yang digunakan dalam WMT abad ke-18 dan ke-19 ialah kaedah penggandaan yang dilambangkan dengan menulis angka '2' selepas unsur yang diganda seperti بـسـرـما۲ 'besar2' (WMT 1733), کـمـان۲ 'kemana2' (WMT 1792), برسما۲ 'bersama2' (WMT 1819), dan حـکـایـت۲ 'hikayat2' (WMT 1847).

Selain pengaruh bahasa Arab yang meresap masuk ke dalam bahasa Melayu, bahasa-bahasa lain juga turut mempengaruhi sistem pengejaan Jawi. Kemasukan pengaruh bahasa Sanskrit, Parsi, Inggeris, Cina, Portugis, dan Tamil melalui sistem perdagangan dan penjajahan turut mempengaruhi sistem pengejaan dalam bahasa Melayu. Perkataan-perkataan asal dalam bahasa Sanskrit telah mengalami pelbagai proses sebelum diterima pakai oleh orang-orang Melayu. Antaranya ialah proses asimilasi, protesis, pengubahsuaian mengikut sebutan lidah Melayu, proses metatesis, pertukaran bunyi, dan proses penerimaan imbuhan. Walau bagaimanapun, dalam sistem pengejaan Jawi yang ditemui dalam WMT abad ke-16 hingga abad ke-19, masih terdapat perkataan yang dieja tidak sempurna bentuknya seperti راج yang bermaksud 'ra(cun)' yang ditemui dalam WMT tahun 1521. Contoh-contoh yang lain ialah سـو yang bermaksud 'sebu(ah)', بـو yang bermaksud 'bu(ah)', yang ditemui dalam WMT tahun 1522, dan اغـکـري yang membawa makna 'Inggri(s)' (WMT 1733).

Morfologi

Pada keseluruhannya, imbuhan 'meN-' dan 'peN-' yang bergabung dengan kata dasar akan menyebabkan pengguguran konsonan pada kata dasar. Konsonan yang digugurkan terdiri daripada konsonan tidak bersuara seperti 'h' (hantar), 'k' (kata), dan 't' (tinggal), dan konsonan bersuara seperti 's' (suruh), 'd' (dengar), dan 'b' (beri). Jelasnya, imbuhan 'meN-' yang bercantum dengan kata dasar yang berawalkan konsonan-konsonan yang tidak bersuara, maka konsonan tersebut akan digugurkan, seperti pada konsonan geseran tidak bersuara 's' (suruh, senggaha, sila dan salin) akan digugurkan apabila menerima imbuhan 'meN-' dan menghasilkan مشوره 'manyuruh' (WMT 1521), ميغـکـرهاکن 'menyeng-

gerahakan' (WMT 1615), ميلاكن 'menyilakan' (WMT 1819), dan مهالين 'menyalin' (WMT 1847). Demikian juga dengan bunyi geseran pada pita suara 'h' bagi perkataan 'hantar', akan menjadi مئتر 'mengatar' (WMT 1522) apabila menerima imbuhan 'meN-'. Contoh lain ialah bunyi letupan tidak bersuara langit lembut 'k' bagi perkataan 'kata' turut digugurkan apabila menerima imbuhan awal dan akhiran, iaitu مئتاكن 'mengatakan' (WMT 1522). Demikian juga dengan bunyi letupan tidak bersuara pada gigi-gusi, iaitu konsonan 't' bagi perkataan 'tinggal' akan digugurkan apabila menerima imbuhan awalan dan akhiran dan mewujudkan مئتاكلن 'meninggalkan' (WMT 1522). Walau bagaimanapun, ketidakselarasan dalam pengguguran konsonan awal dalam kata dasar adalah nyata dan jelas.

Dalam abad ke-18 (WMT 1733) wujud suatu fenomena apabila imbuhan awalan 'meN-' bercantum dengan kata dasar yang berawalkan konsonan 'b', iaitu bunyi letupan pada dua bibir (sebagai daerah sebutannya) bersuara, konsonan 'b' digugurkan dan menerbitkan 'memeri' (WMT 1602). Dalam fenomena yang sama, pengirim WMT menggunakan sistem pengejaan dan kaedah pengimbuhan yang berbeza, iaitu tidak berlaku pengguguran pada konsonan 'b' seperti pada contoh perkataan 'memberi' (WMT 1522 dan 1733). Dari sudut persamaannya ialah tidak berlaku pengguguran konsonan 'b' tetapi berbeza dari sudut sistem pengejaan Jawi yang diamalkan. Contohnya, dalam WMT tahun 1602, perkataan 'memberi' dieja sebagai ممبر, sementara dalam WMT tahun 1733 dieja sebagai ممبري. Dalam WMT tahun 1602, terdapat pula perkataan yang sama dieja sebagai 'memelli' ممل. Dalam WMT yang sama, pengirim warkah tidak menggunakan imbuhan dan sebaliknya mengekalkan kata dasar sebagai 'meli' ميل (WMT 1602). Konsonan 'd' yang merupakan bunyi letupan bersuara pada gigi-gusi akan digugurkan apabila menerima imbuhan awalan 'meN-' dan 'peN-'. Contohnya ialah فنئر 'penengar' (WMT 1615) dan مئئر 'menengar' (WMT 1847). Jika diteliti WMT 1602, akan ditemui sistem pengejaan Jawi yang menggunakan dua huruf 'ya' ي dalam satu perkataan. Satu daripadanya dimatikan dan satu yang lain berfungsi sebagai huruf vokal 'i', contohnya ialah كفيربيكي 'kuperbaiiki'. Kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa penulis atau pengirim WMT dalam keempat-empat abad tersebut

menunjukkan kaedah pengimbuhan yang tidak konsisten walaupun dihasilkan dalam tahun yang sama.

Perbezaan yang ketara dapat dilihat melalui sistem pengejaan Jawi bagi kata dasar sesuatu perkataan setelah menerima imbuhan awalan 'mem' dan 'me' tanpa berlakunya pengguguran konsonan, contohnya ialah ممبر 'memberi' (WMT 1522 dan 1602), dan مبري 'memberi' (WMT 1733). Kesimpulannya, imbuhan awalan pada kata dasar yang berawal-kan konsonan bersuara, pengguguran konsonan tersebut tidak berlaku, contohnya konsonan 'b' sebagai bunyi letupan dua bibir bersuara bagi perkataan مباوا 'membawa' (WMT 1602), ممبر 'memberi' (WMT 1522), dan مبري 'memberi' (WMT 1733). Konsonan nasal dua-bibir 'm' dan konsonan nasal gigi-gusi 'n' tidak digugurkan apabila menerima imbuhan awalan, contohnya ialah منت 'meminta' (WMT 1733 dan 1847), مبوبت 'membuat' (WMT 1847), dan منتت 'menanti' (WMT 1819). Walau bagaimanapun, terdapat kelainan dalam sistem pengimbuhan yang ditemui dalam WMT tahun 1521, iaitu penambahan konsonan 'h' • di akhir kata, contohnya مباوه 'membawa(h)' sedangkan WMT tahun 1602 tidak menunjukkan penambahan konsonan 'h', contohnya ialah مباوا 'membawa'. Imbuhan kata nama yang terhasil daripada apitan 'ke.-an' dan 'pe...-an' banyak terdapat dalam WMT tahun 1602, 1733 dan 1847, sedangkan dalam WMT tahun 1521, 1792 dan 1819 tidak banyak memperlihatkan contoh imbuhan kata nama. WMT tahun 1522), tidak langsung menampakan imbuhan kata nama yang terhasil daripada apitan 'ke.-an' dan 'pe.-an'.

Imbuhan kata kerja merupakan imbuhan yang terbanyak digunakan dalam WMT. Imbuhan ini wujud pada awal kata sebagai imbuhan awalan, imbuhan di akhir kata sebagai imbuhan akhiran, dan imbuhan awalan dan akhiran. Imbuhan awalan 'ber-' ternyata paling lazim digunakan dalam WMT. Pada abad ke-17 (WMT 1602), abad ke-18 dan ke-19 terdapat contoh-contoh penggunaan imbuhan kata kerja pasif. Fenomena ini tidak wujud dalam WMT tahun 1522. Kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa pada abad terawal, iaitu WMT tahun 1521, tidak banyak mengamalkan imbuhan kata kerja pasif, dan WMT tahun 1522 dan 1819 tidak langsung menggunakan imbuhan kata pasif. Selain itu terdapat kata kerja yang diberi imbuhan akhiran '-kan' sebagai penanda kata kerja transitif dan tidak pula diberi imbuhan awalan sama

ada penanda aktif mahupun pasif, tetapi WMT tahun 1819 tidak memperlihatkan fenomena imbuhan ini.

Dalam penulisan imbuhan, pengaruh bahasa lisan jelas mempengaruhi bahasa tulisan apabila kata bahasa lisan yang lazim dituturkan mengalami peleburan imbuhan. Setiap WMT yang dikaji mempunyai situasi sedemikian. Akibat pengaruh bahasa lisan, banyak perkataan yang tidak diberi imbuhan sama ada imbuhan awalan 'meN-', 'ber-', 'di-', dan 'peN-', mahupun imbuhan akhiran '-an' dan '-kan'. Bahasa lisan juga telah mempengaruhi penulisan WMT dengan membawa masuk kata dialek dan frasa yang biasa digunakan dalam bahasa basahan. Contoh kata dialek yang digunakan ialah 'paliara', sementara contoh frasa bahasa basahan ialah بارغ تاه 'barang tahu' (WMT 1615 dan 1733) dan 'beri mari pinta' dan 'beri pergi' (WMT 1792).

Perbendaharaan Kata

Pelbagai bentuk perbendaharaan kata terdapat dalam semua WMT. Antaranya ialah kata arkaik, kata lisan, kata halus, dan kata pinjaman. Ada kata-kata arkaik yang ditemui dalam WMT telah mengalami perubahan semantik seperti perkataan 'apiun' (افون) (WMT 1792), yang asalnya bermakna 'gasing' tetapi kini telah berubah maksud kepada 'candu'. Demikian juga dengan perkataan 'laksa' (لقس) (WMT 1792), yang makna asalnya ialah 'bilangan sepuluh ribu' tetapi masyarakat kini lebih mengenali maknanya sebagai 'nama sejenis makanan'. Namun, beberapa perbendaharaan kata yang terdapat dalam WMT masih kekal maknanya seperti perkataan 'sanat' (سنت) (WMT 1792 dan 1819) (pengaruh bahasa Arab) yang bermaksud 'tahun', 'gandi' كند (baris 14); كند (baris 9) (WMT 1522) yang bermakna 'busur panah'; 'mata benda' (baris 38, 41) (WMT 1602) yang bermakna 'barangan'; 'ciu, berciu (baris 18) (برجيو), yang bermakna sejenis tikar tegal tiga rangkap terhias dengan emas, dan lain-lain; dan ketopong' (ber) ketopong (بركتوفغ), iaitu sejenis topi yang dipakai di kepala sebagai perhiasan (WMT 1615). Walaupun perkataan-perkataan tersebut tidak menerbitkan makna yang baru tetapi tidak lagi digunakan oleh masyarakat hari ini.

Kebanyakan WMT mengamalkan frasa atau kata-kata halus sebagai mukadimah dan kata-kata pujian daripada pengirim kepada

penerima WMT. Penggunaan frasa atau kata-kata halus ini melambangkan kesantunan berbahasa dan penggunaan bahasa yang lebih sopan sifatnya yang ditujukan oleh pengirim yang lebih rendah kedudukan dan statusnya berbanding dengan penerima atau pengirim yang lebih muda dari segi usia daripada penerima; ataupun pengirim dan penerima yang mempunyai status yang sama yang menggunakan kata-kata halus dalam urusan protokol dan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain, sama ada antara pemerintah dengan pemerintah yang lain, atau antara satu negara dengan negara yang lain.

Kata Halus

Penggunaan kata-kata halus dapat menunjukkan keperibadian seorang pengirim atau penulis warkah tentang kemahiran dan kebijaksanaannya memilih kata-kata yang memberi kesan yang mendalam kepada penerima atau pembaca warkah. Penggunaan kata-kata halus dan kata puji-pujian ini memperlihatkan rasa rendah diri pengirim dan penerima pula merasakan dirinya lebih dihormati. Kata-kata sedemikian juga merupakan teknik bahasa yang dapat menimbulkan rasa harmoni dan melahirkan suasana hubungan baik antara kedua-dua pihak kerana dalam hubungan perdagangan misalnya, persefahaman amat penting.

Perbendaharaan kata halus selalunya bersinonim dengan bahasa istana yang digunakan dengan maksud kesantunan berbahasa. Lazimnya, penggunaan kata-kata halus ini terdapat pada permulaan ayat dalam warkah yang diteliti dengan kata-kata pujian untuk penerima warkah. Ini merupakan satu ciri yang lazim terdapat dalam warkah-warkah Melayu lama. Perbendaharaan kata yang digunakan itu tidak akan menyinggung perasaan pendengar, pembaca atau penerima warkah. Perkataan-perkataan halus dalam bahasa Melayu yang terkandung dalam WMT ternyata digunakan oleh golongan yang berstatus tinggi atau golongan bawahan apabila berbicara dengan golongan atasan. Antara frasa dan perbendaharaan kata halus yang dapat dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

- WMT 1521 - *“Raja Sultan Abu Hayat surat datang kepada mama Raja Portugal. Raja be(sar) al-dunia alam semuhanya tuwan basar”* (baris 1–3).
- WMT 1522 - *“Alhamdulillah Rabilalamin”* (tajuk teratas).
“Tiada harap lain harap” (baris 18).

- “*Ya Aziz ya Ghaffar*” (subtajak kedua).
 “*Ayahanda*” (baris 2)
 “*Anakanda*” (baris 17,20,23),
 WMT 1602 - “*bersabda*” (baris 10)
 WMT 1615 - “*Surat daripada Seri Sultan Perkasa Alam Johan berdaulat raja yang beroleh martabat kerajaan.*” (baris 1).
 WMT 1733 - “*hamba*” (baris 18,20,26,26,28,36)
 “*Tabik banyak-banyak*” (baris 1)
 [Pengaruh Inggeris]
 WMT 1792 - “*Surat tulus ikhlas bekasih-kasihian muafakat yang tiada berkesudahan selagi ada perkitaran cakrawala . kepada sahabat beta Gurnadur Pulau Pinang yang akal bijaksana . masyhur sampai ke mana-mana.*” (baris 1–6).
 [Penggunaan kata-kata halus dalam ayat di atas untuk memperlihatkan sikap harmoni dan merapatkan siratulrahim antara pemerintah Melayu dengan pembesar barat, khususnya Inggeris].
 WMT 1819 - “*... tuan besar serta kita ke Pahang.*” (baris 8–10).
 WMT 1847 - “*Bahawa ini surat sembah serta normat mulia serta beberapa tabik*” (baris 1–2).

Kata Lisan

Pengaruh bahasa lisan amat jelas memengaruhi tulisan WMT yang dikaji. Sebahagian kata bahasa lisan yang digunakan telah mengalami peleburan imbuhan, contohnya ialah ‘dengar’ (baris 6,21), bunuh (baris 19) (WMT 1521). Imbuhan sebenar ialah ‘mendengar’ dan membunuh. Contoh-contoh yang lain ialah:

- WMT 1522 - “*kan datang*” (baris 14, 17)
 yang bermaksud akan datang.
 WMT 1602 - ‘*terima*’ (baris 78) yang seharusnya disebut menerima, dan ‘*meli*’ (baris 34) yang bermaksud membeli.
 WMT 1615 - *niaga* (baris (64) yang seharusnya berniaga
 WMT 1733 - ‘*sama2*’ (baris 66) yang seharusnya bersama-sama.
 WMT 1792 - ‘*jadi*’ (baris 1) seharusnya diberi imbuhan, dikirim, kiriman.
 WMT 1847 - ‘*tolongan*’ (baris 80) seharusnya pertolongan.

Warkah-warkah Melayu yang dikaji ternyata menunjukkan pengabaian penulis tentang penggunaan imbuhan. Walau bagaimanapun, dalam beberapa WMT terdapat beberapa perkataan yang sama yang diberi imbuhan dan ada yang tidak diberi imbuhan. Ini bererti penggunaan imbuhan untuk kata dasar sesuatu perkataan itu tidak tetap, tidak konsisten dan digunakan secara sewenang-wenangnya.

Antara kata dan frasa yang lain yang digunakan secara sewenang-wenangnya dalam bahasa basahan yang ditemui dalam WMT adalah seperti yang berikut:

- | | | | |
|------|---|--------------------------|--------------------|
| 1602 | - | 'barang berapa' (45) | بارغ براف (24) |
| | - | 'memberi kamu tahu' (10) | ممبري كام تاه (6) |
| | - | 'meli' (34,55), | مِل (19), مَل (28) |
| | - | 'memeli (41), | مَمَل (22) |
| 1615 | - | 'barang tahu' (66), | بارغ تاه (24) |
| 1733 | - | 'barang tahu' (16), | بارغ تاه (5) |
| 1792 | - | 'beri mari pinta' (7), | بريماري فنت (3) |

Penggunaan Ganti Nama, Pangkat dan Gelaran

Tiga ganti nama yang digunakan dalam WMT ialah ganti nama orang pertama, kedua dan ketiga. Ganti nama orang pertama terdiri daripada 'kita' (tunggal) yang ditemui dalam WMT tahun 1521, 'anakdah' / 'anakanda' (WMT 1522), 'aku', 'ku' dan 'daku' (WMT 1602), 'hamba', 'saya' (WMT 1733), 'beta' (WMT 1792), 'kita' (WMT 1819), dan 'sahaya' (WMT 1847). Semua WMT dalam abad yang dikaji memperlihatkan penggunaan ganti nama diri orang pertama. Ganti nama diri orang kedua (penerima warkah) yang digunakan dalam WMT ialah 'mama' (WMT 1521), 'ayahanda' (WMT 1522), 'sekelian kamu' (jamak) (WMT 1602), 'tuan' (Gurnadur), 'sahabat beta' (WMT 1792, 1819, 1847), 'dato', 'Seri Paduka', dan 'Yang Dipertuan' (WMT 1819). Dalam WMT tahun 1615, ganti nama orang kedua tidak digunakan. Ganti nama diri orang ketiga pula ialah 'ia', 'dia', dan 'nya' yang terdapat dalam WMT tahun 1602, 1615, 1733 dan 1847. Penggunaan ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga yang digunakan dalam WMT adalah berdasarkan persamaan dan perbezaan kedudukan dan status pengirim dan penerima WMT.

Kata ganti nama yang digunakan dalam WMT ialah ganti nama orang pertama dan kedua, iaitu di antara pengirim dan penerima warkah, termasuk juga ganti nama orang ketiga. Contoh-contohnya adalah seperti yang berikut:

Penggunaan kata ganti nama orang pertama, kedua dan ketiga

Abad	Ganti Nama Orang Pertama (Ejaan Rumi/ Jawi Warkah) (baris)	Ganti Nama Orang Kedua (Ejaan Rumi/ Jawi Warkah) (baris)	Ganti Nama Orang Ketiga (Ejaan Rumi/ Jawi Warkah) (baris)
Abad ke-16 - 1521	Kita (tunggal) (23,24,44)	mama (2, 39, 48)	ia (17)
- 1522	(11,19) كيت anakdah/anakanda (11, 17, 20, 23) انقده (11, 13, 15)	(1,8,20) مام ayahanda (2) ايهند (1)	اي (37)
Abad ke-17 - 1602	aku (2), اک (2)	kamu (7, 76) کام (5, 40)	ia (52) اي (27)
	ku (18,23,44) ک (10,13,24)	sekalian kamu (5) (jamak)	dia (35)
	daku (31) داک (17)	سکلين کام (3)	دي (19) dia (48) دِي (25) (orang)nya (22) (13)
- 1615	hamba (67,68) همب (25)		(kerajaan)nya (45, 60) کرجانن (16) (karunia)nya (49) کارياب (17) (kemurahan)nya (15)
Abad ke-18 - 1733	Saya (49) - ساي (16)		کموراهنن (5)

Abad	Ganti Nama Orang Pertama (Ejaan Rumi/ Jawi Warkah) (baris)	Ganti Nama Orang Kedua (Ejaan Rumi/ Jawi Warkah) (baris)	Ganti Nama Orang Ketiga (Ejaan Rumi/ Jawi Warkah) (baris)
- 1792	hamba (18,20) هَمْب (6-9) beta (4,7,8,10,16) بیت (2,3,5,7)	Sahabat beta (4,7,11) صحابت بیت (2,3,5) Tuan (Gurnadur) (4-5) توان کورندور (2)	
Abad ke-19 - 1819	Kita (3) (saya) (tunggal) کیت (2-4, 8)	Datu Bendahara (1) داتوء بندھرا (1) tuan (tun?) (18, 13, 16, 18) تون، توان، (5, 7, 8) Datu' (1) - gelaran داتوء (1) Yang DiPertuan بغڈ فرتون (13) Paduka nenda (17) فادک نندا (10) Tuan Besar (Gabenor) (8) توان بسر (4)	
- 1847	Kita (jamak) (13) کیت (3) sahaya (2) سھیا (1)	tuan (8, 92) توان (1, 5, 14)	ia (76) اي (17) dia (80) دي (16) (kata)nya(77) کئان (15)

Dalam WMT 1521, Sultan Abu Hayat menggunakan ganti nama diri 'kita' (tunggal) apabila berkomunikasi secara bertulis dengan Raja Portugal. Warkah yang ditulis dalam tahun 1522 pula, ternyata pengirimnya menggunakan kata ganti nama pertama sebagai 'anakdah' dalam membicarakan diri apabila berkomunikasi dengan penerima yang dianggap

lebih dihormati walaupun mempunyai kedudukan dan status yang sama. Ganti nama pertama dan kedua yang digunakan adalah sesuai kerana menurut catatan *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah* (1911:7), Sultan Abu Hayat dari Ternate pada waktu itu masih terlalu kecil untuk berkomunikasi dengan John III, iaitu Raja Portugal. Surat tersebut telah ditulis setengah abad lebih awal daripada penghasilan manuskrip lain. Surat tersebut “memaklumkan pembunuhan Raja Ternate yang tua, Bayan Sirullah dan kematian pedagang Portugal, Francisco Serrao akibat termakan racun”.

Dalam WMT 1521, terdapat penggunaan ganti nama ‘mama’ (مام) sebagai ganti nama orang kedua, sementara dalam WMT tahun 1522, ganti nama kedua yang digunakan ialah ‘ayahanda’ (ابھندا). Penggunaan kata ganti nama kedua ‘ayahanda’ dan ‘mama’ merupakan panggilan kehormat untuk penerima yang lebih tua pangkatnya dan lagi dihormati. Suku kaum Melayu yang berdarah Minangkabau lazimnya memanggil bapa saudara atau pangkat bapa saudara sebagai ‘mamak’. Sistem panggilan ini melambangkan kesantunan berbahasa di kalangan suku kaum Melayu di dunia Melayu. Menurut Asmah Haji Omar (1988:19), dalam bahasa lama, jika raja merujuk kepada Bendahara, maka rujukan yang digunakan ialah ‘mamak’ atau ‘maneh’ Bendahara. Menurutnya lagi, panggilan ‘mameh’ ini merupakan perkataan asli Melayu yang masih wujud dalam bahasa-bahasa di Sumatera yang bermaksud ‘paman’ atau ‘bapa saudara’. Sistem panggilan ini digunakan pada zaman dahulu kerana lazimnya Bendahara berusia lebih tua daripada raja dan tugasnya pula adalah menasihati raja. Untuk menimbulkan suasana harmoni dan rasa homat, akhiran ‘-nda’ ditambah kepada perkataan ‘mamak’ dan menghasilkan kata panggilan ‘mamanda’.

Masyarakat Melayu lazimnya menuturkana kata-kata yang mempunyai “unsur-unsur hormatan (honorific) seperti kata ‘ayahanda’, ‘bonda’, ‘kekanda’, ‘adinda’, ‘cucunda’, dan ‘ninda,’ walaupun penulis dan penerima tidak ada langsung hubungan kekeluargaan. Jika orang itu kira-kira sebaya dengan ayahnya, disapanya dalam surat itu sebagai ‘ayahanda’ dan bagi dirinya sendiri ‘anakanda’” (Asmah Haji Omar, 1988:9). Perkataan-perkataan tersebut masih wujud dan terus digunakan hingga kini dalam urusan surat-menyurat.

Ganti nama ‘aku’, ‘ku’, dan ‘daku’ dalam WMT wujud dalam konteks sosial yang sama, sementara ‘sekalian kamu’ (WMT 1602) merupakan ganti nama diri jamak. Penggunaan ganti nama diri ‘hamba’ yang terdapat dalam WMT tahun 1733, merupakan ganti nama pertama yang

digunakan oleh Sultan Gandam Syah (dari Muko-Muko) bagi merujuk kepada dirinya apabila berkomunikasi melalui surat kepada Syarikat Hindia Timur. Penggunaan kata 'hamba' ini digunakan oleh pengirim dalam konteks formal yang menunjukkan jarak sosial dengan penerima warkah, iaitu warga asing yang berperanan penting dalam Syarikat Hindia Timur yang berkuasa pada waktu itu.

Dalam warkah yang ditulis pada tahun 1792, yang dihantar oleh raja Kedah kepada Francis Light, ganti nama yang digunakan untuk dirinya ialah 'beta' dan ganti nama Francis Light ialah sebagai 'sahabat beta Gurnadur Pulau Pinang'. Panggilan nama 'sahabat beta' digunakan dalam situasi formal yang memperlihatkan jarak sosial antara pengirim dan penerima warkah. Penggunaan kata ganti nama ini sesuai sebagai seorang pemerintah Melayu yang meletakkan statusnya tidak jauh dengan pegawai pemerintah Inggeris yang berkuasa seperti Francis Light yang pada waktu itu sebagai Gabenor Pulau Pinang. Ini menggambarkan sikap hormat orang yang disapa sebagai 'sahabat' dan jelas merujuk kepada arah penggunaan 'sahabat beta' sebagai arah mendarat.

Menurut Asmah Haji Omar (1995:196), "kata 'beta' mempunyai dua konteks penggunaan, iaitu penggunaan oleh raja atau ahli keluarga raja untuk merujuk kepada dirinya, dan orang kebanyakan (bukan raja) yang merujuk kepada dirinya sendiri." Dalam konteks WMT, kata 'beta' merujuk arah gerak atas ke bawah, iaitu Raja Kedah membahaskan dirinya 'beta' apabila berkomunikasi dengan Francis Light yang berkuasa di Pulau Pinang, tetapi ironinya dalam warkah lain antara raja Kedah dan Francis Light, ternyata kata 'beta' telah digunakan oleh kedua-dua pengirim dan penerima warkah. Ini mungkin disebabkan oleh anggapan masing-masing bahawa mereka mempunyai persamaan kedudukan dan status. Menurut Collins (1987:327-43), ganti nama diri pertama 'beta' adalah andaian asal daripada gabungan 'bai + ta', iaitu pinjaman dari Hindi. Perkataan 'beta' juga telah lama digunakan oleh pedagang Cina pada abad ke-16, dan pada ketika itu juga kata 'beta' telah digunakan secara meluas oleh orang kebanyakan. Pada hari ini, perkataan 'beta' hanya digunakan oleh golongan raja atau sultan yang bermaksud 'saya' atau 'kami'.

Menurut Rahim Aman (1998:3, 5-6), kata 'beta' sebenarnya bukanlah milik mutlak penutur bahasa Melayu, sebaliknya merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit/Hindik. Menurutny lagi (1998:13), secara diakronik, kata 'beta' telah mengalami penggeseran makna dan status penggunaannya adalah berdasarkan pola perubahan makna.

WMT yang bertarikh 1819, menggunakan ganti nama orang pertama 'kita' yang bermaksud 'saya' sebagai ganti nama tunggal yang digunakan oleh Farquhar kepada Raja Bendahara Pahang, Tun Ali. Ganti nama kedua yang digunakan ialah 'tuan' (تون، تون) yang disebut sebanyak empat kali dalam warkah tersebut. Dalam konteks sosiolinguistik, ganti nama diri 'Seri Dato' Paduka' dan 'Yang Di-Pertuan' digunakan oleh rakyat untuk merujuk kepada raja. Demikian juga dengan gelaran Dato' yang memperlihatkan arah gerak dari bawah ke atas, iaitu wujudnya jarak dalam komunikasi berbentuk tulisan. Farquhar, seorang berbangsa Eropah yang berkuasa di Singapura telah menggunakan ganti nama kedua yang sesuai apabila menyapa Raja Bendahara Tun Ali yang memerintah Pahang ketika itu. Pada abad ke-19 (WMT 1847) pula, surat daripada Abdullah Munsyi menggunakan ganti nama diri orang pertama tunggal seperti 'sahaya' (سهيا) dan ganti nama orang pertama jamak seperti 'kita'. Ganti nama orang kedua pula ialah 'tuan' (توان). Kata 'sahaya' adalah berasal daripada kata penuh yang bermakna 'hamba sahaja' dan kini bererti 'saya'

Dalam WMT tahun 1847, ganti nama pertama 'sahaya' memperlihatkan arah gerak dari bawah ke atas, iaitu warkah rasmi yang ditulis oleh Abdullah Munsyi (seorang yang berketurunan Melayu-Arab-India) kepada E. Dulaurier di Paris. Abdullah Munsyi hanya merupakan pembantu dan penulis yang bekerja di pejabat kolonial Inggeris sedangkan Dulaurier ialah seorang asing di Paris yang statusnya lebih tinggi daripada status pengirim. Walau bagaimanapun, arah gerak boleh juga berbentuk sama rata atau "secara mengufuk" (Asmah Haji Omar, 1995:196), apabila kata ganti nama kedua jamak digunakan, iaitu 'kita'. Pada keseluruhannya, WMT yang diteliti turut memperlihatkan ganti nama orang ketiga, iaitu 'ia', 'dia', dan 'nya' terutamanya dalam WMT tahun 1602, 1615 dan 1733.

Kata Pinjaman

Perbendaharaan kata atau kosa kata pinjaman yang digunakan dalam WMT ialah kosa kata pinjaman bahasa Sanskrit, Arab, Inggeris dan bahasa-bahasa lain-lain seperti Portugis, Farsi, Tamil, dan Cina.

Perbendaharaan Kata Pinjaman Bahasa Sanskrit

Bahasa Sanskrit dikatakan bahasa yang berbudaya tinggi yang perben-

daharaan katanya banyak meresap masuk ke dalam bahasa Melayu. Dalam WMT yang diselidiki, ternyata banyak perbendaharaan kata Sanskrit digunakan oleh para penulis warkah pada zaman awal. Antara perbendaharaan kata yang ditemui ialah 'beta', 'laksa', 'harta', 'hari', 'cakerawala', 'raja', 'dahulu', 'manusia', 'negeri', 'sentosa', 'kerana', dan lain-lain. Beberapa perbendaharaan kata di atas telah digunakan dalam situasi istana dan yang berkaitan dengan pentadbiran sesebuah kerajaan pada ketika itu. Dari sudut penggunaan dalam kalangan pedangan dan rakyat biasa, perbendaharaan kata biasa seperti 'harta', 'berniaga', 'laksa', 'manusia', 'bahasa', 'negeri', 'sentosa', 'panca', 'permata', dan lain-lain terdapat dalam WMT 1792.

Perbendaharaan Kata Pinjaman Bahasa Arab

Perbendaharaan kata Arab meresap masuk ke dalam bahasa Melayu akibat pertembungan atau pengaruh melalui perdagangan, pergaulan dengan rakyat tempatan dan bidang pendidikan yang diterima, kesan daripada ketiadaan istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa Melayu, termasuklah istilah-istilah tentang Islam, falsafah, ilmu mantik, tauhid, dan pelbagai bidang ilmu. Penulis-penulis warkah yang berlatarbelakangkan pendidikan agama dan bahasa Arab, secara tidak langsung menyalurkan penggunaan perbendaharaan kata Arab dalam proses penulisan mereka. Di samping itu, perbendaharaan kata Arab ini telah tersebar luas dan difahami ramai apabila digunakan oleh masyarakat umum dalam hubungan sehari-hari. Antara perbendaharaan kata bahasa Arab yang khusus sifatnya atau berbentuk istilah-istilah yang menerangkan sesuatu makna dalam sesuatu bidang dapat dilihat seperti contoh-contoh yang berikut. Perbendaharaan kata tersebut digunakan kerana tidak ada ungkapan dalam bahasa Melayu ketika itu. Kata-kata khusus yang merujuk hari, bulan, dan tahun telah ditemui dalam WMT tahun 1792, contohnya 'tahun alif'.

WMT 1521 - lasykar (20,24,26), لشكر (10,12)

WMT 1522 - Muharam (15), محرم (10)
[Perkataan ini berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud 'yang diharamkan'. Muharam ialah bulan pertama dalam takwim Islam].

WMT 1602 - thabit (89) (Ejaan baku: sabit), (?)

- WMT 1615 - sultan (1), سلطان (1)
 [Kata pinjaman yang berasal daripada bahasa Arab 'salata' yang bermaksud 'menguasai' atau 'memberi kuasa'. Kata 'sultan' merupakan gelaran kepada pemerintah yang beragama Islam.]
- (ber) daulat (2), بردوله (1)
 [Pinjaman daripada perkataan bahasa Arab yang bererti 'negeri' atau 'kerajaan', Dalam konteks sosiopolitik Melayu, 'daulat' merangkum makna yang lebih luas yang dihubungkan dengan soal-soal kesempurnaan, kuasa tertinggi, kebolehan istimewa, dan kewibawaan seseorang raja yang memerintah.]
 - maghrib (38,56), مغرب (13)
- WMT 1733 - Allah Ta'ala (6), الله تعالى (2)
- WMT 1792 - sanat (10), سنت (4)
- wasil (8), واصيل (3)
 - Ramadan (13), رمضان (5)
 - rial (14), ريل (6)
 - Syawal (19), شوال (7)
- WMT 1819 - kasad (6), قصد (3)
- Syaaban (10,12,24), شعبان (5-6,18)
 - syahdan (Ejaan baku : syahadan), شهدان (11,13)
 - hajat (14), حاجت (8)
 - sanat (24), سنت (18)
- WMT 1847 - Allah (6), الله (2)
- syahadan (23), شهدان (5)
 - kitab (4,15,45), كتب (11,20)

Perbendaharaan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris

Perbendaharaan kata Inggeris banyak diterapkan dalam WMT terutamanya pada abad ke-18 dan ke-19 sama ada untuk kata nama khas (nama orang dan nama tempat) mahupun kata nama am seperti 'kom-

peni' (WMT 1792), 'mijr' (WMT 1819), dan 'kolej' (WMT 1847). Perbendaharaan kata Inggeris yang digunakan pada abad ke-16 dan ke-17 hanya melibatkan perkataan nama khas, sama ada nama orang seperti 'Francisco Serrao' (WMT 1521), 'Portukal' (WMT 1522), dan 'Irelandia' (WMT 1615). Pada umumnya, perbendaharaan kata Inggeris hanya digunakan untuk menjelaskan maksud tertentu yang tidak dapat diperjelaskan oleh perbendaharaan kata atau istilah dalam bahasa Melayu seperti perkataan 'progres' (progress), 'kopi' (copy), 'kolej' (college), 'oriental (oriental), 'apiun' (opium), dan sebagainya. Perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu yang digunakan telah mengalami proses penyesuaian bunyi menurut kesesuaian lidah orang-orang Melayu.

Perbendaharaan Kata Pinjaman Bahasa-bahasa Lain

Perbendaharaan kata daripada bahasa-bahasa lain seperti Parsi, Cina, Tamil dan Portugis terdapat dalam WMT, contohnya ialah 'saudagar' dan 'hikayat' (bahasa Parsi); 'kapitan' dan 'rial' (bahasa Portugis); 'kapal' dan 'kepala' (bahasa Tamil), dan 'sampan' (bahasa Cina). Perkataan-perkataan yang berasal daripada bahasa-bahasa asing ini telah diterima pakai oleh orang-orang Melayu setelah perkataan-perkataan tersebut mengalami pelbagai proses penyesuaian bunyi dan sebutan menurut lidah orang-orang Melayu. Antara contoh-contoh lain adalah seperti yang berikut:

Bahasa Parsi	Bahasa Portugis	Bahasa Tamil/Hindi	Bahasa Cina	Bahasa Melayu
'hikayat' (34) (WMT 1847)	'istinggar' (26) (WMT 1615)	'kapal' (7,16) (WMT 1522)	'sampan' (69) (WMT 1602)	'minta' (68) (WMT 1602)
(Istilah yang dikhaskan untuk menamakan cerita-cerita pendek, iaitu cerita-cerita berbentuk prosa).	(Asal perkataannya ialah 'espingarda' yang bererti sejenis senapang kuno yang diperkenalkan di Tanah	'kapal' (28) (WMT 1602) 'kapal' (67) (WMT 1733) 'kapal' (48) (WMT 1847) (Berasal	('sam' bererti tiga dan 'pan' bermaksud papan, iaitu pengangkutan air yang dibuat daripada tiga keping papan. Dalam bahasa	(Berasal daripada bahasa Melayu kuno 'pinta' bermaksud 'mohon'. Perubahan 'pinta' kepada

BAHASA MELAYU DALAM WARKAH MELAYU TERPILIH

Bahasa Parsi	Bahasa Portugis	Bahasa Tamil/Hindi	Bahasa Cina	Bahasa Melayu
<p>'bar' (ber)</p> <p>(Imbuan yang bermakna 'atas'. Kini sebagai 'per' iaitu kata adverba yang digunakan sebagai imbuan).</p> <p>'tar' (ter) (imbuan)</p> <p>'bandar' (Bermaksud kota pelabuhan)</p> <p>'saudagar' (59) (WMT 1602)</p> <p>(Pedagang besar)</p> <p>'syah' (5) (WMT 1733) (gelaran raja Iran).</p>	<p>Melayu setelah Melaka jatuh ke tangan penjajah Portugis.</p> <p>'kapitan' (1) (WMT 1602)</p> <p>'kapitan' (64) (WMT 1733)</p> <p>(Berasal daripada perkataan 'capitao' yang bermaksud satu pangkat jawatan dalam angkatan laut Portugis pada zaman dahulu).</p>	<p>daripada perkataan Tamil).</p> <p>'kepala' (7) (WMT 1733)</p> <p>'kepala' (48) (WMT 1847)</p> <p>(Berasal daripada perkataan Tamil).</p> <p>'guru' (4) (WMT 1847)</p> <p>(Berasal daripada perkataan Tamil).</p> <p>'emas' (7,10) (WMT 1615)</p> <p>('mas' berasal daripada perkataan Hindi, iaitu 'masha'. Perkataan ini telah dipinjam daripada bahasa Sanskrit, 'mashaka' yang bererti emas.</p>	<p>Melayu, perkataan ini diambil daripada dialek Kantonis atau Hakka.</p>	<p>'minta' berlaku setelah mengalami proses penyengauan 'm' pada awal kata. Kaedah ini kerap berlaku pada zaman silam untuk menghasilkan maksud kata kerja.</p> <p>'mama' (2) (WMT 1521)</p> <p>(Berasal daripada bahasa Minangkabau yang bermaksud bapa saudara sebelah ibu).</p>

Kedatangan orang-orang Barat ke Alam Melayu berpunca daripada keinginan mereka untuk mencapai konsep '3G', iaitu 'gold', 'god' (atau gospel) dan 'glory'. Ini bermakna, selain menyebarkan agama Kristian dan mencari kegemilangan melalui penjajahan, kedatangan mereka juga bertujuan untuk mencari kekayaan melalui aktiviti perdagangan. Demikian juga dengan para pedagang India, Arab, Farsi, Cina, Portugis dan sebagainya. Selain membawa barang-barang perdagangan, mereka turut membawa budaya dan bahasa. Maka itu, aktiviti ekonomi yang berkembang pada suatu zaman itu telah menghasilkan banyak perbendaharaan kata yang berkaitan dengan aktiviti perdagangan terutamanya perkataan tentang pelbagai jenis barang dagangan dan ukuran timbangan dan sukatan, serta bidang yang berkaitan dengannya. Antara perbendaharaan kata yang tergolong dalam kategori ini adalah seperti yang berikut.

WMT 1521 - senjata (28), شجته (13)

WMT 1522 - senjata (7), شنجتا (4)

WMT 1602 - pihutang (50), فھوتغ (26)
- saudagar (59), سؤدکيز (31)
- berjual (43), برجول (23)

WMT 1615 - senjata (43), سنجات (15)
- beniaga (54), بنيك (28)
- batu pelinggam (9), بات فلغکيم (3)
- gading (5), كبادغ (2)
- galian (13), کلين (4)
- berukir (5), بروکر (2)
- permata (15), فرمات (5)
- suasa (22,27), سواس (7-9)
- perak (11), فيرق (4)
- emas (7,10), مس (4-7)
- pakaian (41), فکاين (14)

WMT 1733 - dacing (67), داچغ (21)

- belanja (48), بلنج (16)
- perniagaan (30), فرنيكائن (10)
- lada (31,42), لد (10,14)

WMT 1792 - laksa (16), لقس (7)
 - rial (6), ريل (7)

WMT 1819 - berlayar (14), برلاير (7,9)
 - keuntungan (t.b.) كاءنتغن (15)

WMT 1847 - peti (15), فتي (6)
 - peti (95), فتي (19)
 - apiun (15), افين (6)
 - harga (15), هرک (6)

Perbendaharaan kata sesungguhnya merangkum aspek pemilihan kata atau kosa kata yang digunakan oleh penulis atau pengirim warkah. Pemilihan kata-kata banyak bergantung pada faktor latar belakang penulis, iaitu latar belakang budaya, pendidikan, masa, dan faktor sosial penulis berkenaan seperti hubungan pengirim dengan penerima warkah; fokus pembicaraan, dan kesesuaian pemilihan kata untuk menjelaskan sesuatu makna.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian dan penelitian yang telah diusahakan, kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa wujudnya persamaan dalam perbezaan dalam sistem pengejaan Jawi, morfologi dan perbendaharaan kata dalam WMT. Melalui WMT juga, kita dapat melihat satu fenomena penting tentang penggunaan bahasa Melayu sepanjang empat zaman.

Persamaan dan perbezaan yang wujud dalam sistem pengejaan Jawi melalui penggunaan huruf dan tanda titik atau tanda diakritik antara abad merupakan satu fenomena yang lazim dalam WMT. Hal ini demikian kerana bahasa bukanlah statik sifatnya, sebaliknya dinamik dan sentiasa berubah menurut zaman. Satu daripada kelainan yang timbul adalah disebabkan oleh pengaruh kuasa tertentu pada zaman warkah tersebut ditulis. Antaranya ialah pengaruh bahasa Sanskrit, bahasa

Arab, bahasa Inggeris, dan bahasa-bahasa lain seperti Parsi, Portugis, Tamil, Hindi, dan Cina yang secara tidak langsung mempengaruhi sistem ortografi dan ejaan Jawi yang digunakan pada waktu itu. Maka itu, terbitlah perkataan seperti 'manusia' (Sanskrit); 'syaddah' (Arab), 'thabit' (Arab), 'lasykar' (Arab); 'kompeni', 'kopi', 'kolej' (Inggeris), 'hakikat', 'sau-dagar' (Parsi); 'rial', 'kapitan' (Portugis); 'kapal', 'guru' (Tamil); 'emas' (Hindi); dan 'sampan' (Cina). Perkataan-perkataan tersebut telah dieja menurut penyesuaian lidah orang-orang Melayu.

Pada keseluruhannya, semua warkah yang ditulis pada keempat-empat zaman yang dikaji tidak menggunakan tanda baca seperti koma (,), noktah (.) dan sebagainya, sebaliknya menggunakan penanda wacana sesuatu ayat seperti 'maka', 'adapun', 'daripada itu', 'adalah', 'apalah', 'kiranya', 'adanya', dan seumpamanya. Kata penghubung setara 'dan' digunakan sebagai permulaan ayat, di samping penggunaan perkataan Arab seperti 'wabadahun', dan sebagainya. WMT tahun 1602 dan 1847, menggunakan perkataan 'maka', 'dan', dan 'bahawa' sebagai penanda wacana bagi permulaan ayat. WMT tahun 1615, 1792 dan 1819, menggunakan 'maka' sebagai penanda wacana. WMT tahun 1733, tidak langsung menggunakan tanda baca seperti noktah (.) selepas sesuatu ayat, dan sebagai gantinya, 'dan' digunakan sebagai penanda wacana untuk permulaan ayat.

WMT abad ke-16, terutamanya warkah daripada Sultan Ternate (1521), jika dibandingkan dengan WMT abad ke-17 (1602), abad ke-18 dan ke-19 memperlihatkan perbezaan dari pelbagai aspek. Antaranya ialah penggunaan tanda baris dalam sistem pengejaan Jawinya. Warkah yang ditulis pada abad ke-16 ternyata kurang menggunakan tanda baris berbanding dengan warkah yang dihasilkan pada abad ke-17, ke-18 dan ke-19.

Morfologi merupakan aspek penting dalam kajian bahasa yang melihat penggunaan aspek kata dalam teks, khususnya dalam WMT. Pemilihan kata dan penggunaan kata arkaik dan kata halus oleh penulis WMT ini dapat memperlihatkan persamaan dan perbezaan dari sudut sosiolinguistik, khususnya tatatingkat sosial yang sesuai dengan era dan zaman masing-masing. Pada umumnya, WMT mempunyai semua proses morfologi, iaitu proses pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan.

Perbendaharaan kata pula banyak diterapkan dengan elemen-elemen asing seperti bahasa Sanskrit, Arab, Inggeris, Parsi, Portugis, Tamil, Hindi, dan Cina. Proses peminjaman kata Sanskrit, Arab dan Inggeris banyak digunakan dalam WMT, iaitu kesan daripada faktor

sejarah kedatangan bahasa tersebut ke Alam Melayu dan penulis warkah tersebut pula terdiri daripada orang Barat. Kemasukan agama Hindu sebelum kedatangan Islam didapati telah sebatian dengan masyarakat Melayu dan perbendaharaan katanya telah diterima pakai dan menjadi sebahagian daripada bahasa Melayu. Aktiviti ekonomi yang berkembang pesat pada suatu zaman itu telah menghasilkan banyak perbendaharaan kata yang berkaitan dengan aktiviti perdagangan seperti pelbagai jenis barang dagangan dan ukuran timbangan dan sukatan seperti perkataan 'laksa', 'piun', 'permata', 'suasa', dan 'perak' yang ditemui dalam WMT tahun 1615. Penggunaan kata-kata pinjaman daripada bahasa-bahasa asing ini menunjukkan kewujudan hubungan masyarakat Melayu dengan orang asing.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Rukaini, 1983. "Morfem Arab dalam Bahasa Melayu" dlm. *Seminar Bahasa: Unsur Bahasa Asing dalam Bahasa Melayu*, 23-24 April; anjuran Persatuan Linguistik (PLM) Malaysia/Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak bin Abdul Karim, 1995. "Sultan-sultan Ternate 1521 dan 1522: Suatu Analisis dari Sudut Bahasa" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 39(9) September, hlm. 838-48.
- Abdul Razak bin Abdul Karim, 1994a. "Manuskrip Surat Kebenaran Ber-niaga oleh Raja Acheh kepada Kapitan Inggeris 1602: Satu Analisis Linguistik" dlm. *Jurnal Filologi* Jil. 3. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara, hlm. 49-67.
- Abdul Razak bin Abdul Karim, 1994b. "Misa Melayu: Satu Analisis Laras Bahasa Melayu Lama" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 38 (5) Mei, hlm. 451-9.
- Abdul Razak bin Abdul Karim, 1994c. "Surat Sultan Ternate 1521: Beberapa Analisis Linguistik" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 38 (1) Januari, hlm. 66-74.
- Abdullah Hassan, 1974a. *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1974b. "Pertembungan Bahasa dan Kesannya terhadap Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 18(5) Mei, hlm. 216-36.
- Abdullah Hussain, 1970. *Pembimbing Surat Menyurat*. Johor Bahru: Penamas.
- Abdullah Jumain Abu Samah, 1993. "Melayu Sebagai Istilah yang Merujuk kepada Nama Bahasa dan Bangsa" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 37(2) Februari hlm. 100-107; 37(3) Mac, hlm. 196-209.
- Abdullah Jumain Abu Samah, 1989 "Proses Tertua Morfologi Bahasa Melayu: Satu Tanggapan" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 33(7) Julai, hlm. 536-47.

- Amat Juhari Moain, 1996. *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Amat Juhari Moain, 1993. "Pembakuan Ejaan Jawi" [Makalah ini asalnya kertas kerja yang dibentangkan di Dialog Selatan, Johor pada 24–26 Januari 1992] dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 37(5) Mei hlm. 465–9.
- Amat Juhari Moain, 1992a. "Daerah Penutur Asli Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 36(2) Februari, hlm. 153–61.
- Amat Juhari Moain, 1992b. "Sistem Ejaan Jawi Prasasti Terengganu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 38(2) Februari, 1992, hlm. 100–10.
- Amat Juhari Moain, 1991. "Sejarah Tulisan Jawi" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 35(11) November, hlm. 1–12.
- Amran Kasimin, 1987. *Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amran Kasimin, 1978. "Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Malaysia" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 2 (12) Disember, hlm. 846–54.
- Asmah Haji Omar, 1995a. *Bahasa Kesusasteraan Klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1995b. *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1995c. *Rekonstruksi Kata dalam Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993a. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993b. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqaid al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1988a. *Bahasa Diraja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1988b. *Penggunaan Bahasa dalam Surat Rasmi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Susur-Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S. M. Naquib, 1963. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohammad Amin, 1993. "Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Penilaian Semula" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 37(1) Januari, hlm. 49–58.
- "Bahasa Sanskrit" 1998 dlm. *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 144–56.

- Bailey, Kenneth D. 1984. "Kaedah Penyelidikan Sosial". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beg, M. A. J. 1983. *Arabic Loan Words in Malay: A Comparative Study*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Blagden, C.O. 1930. "Two Malay Letters From Ternate in the Moluccas, Written in 1511 and 1522" dlm. *Bulletin of the School of Oriental Studies*. No. 6. London: School of Oriental and African Studies, hlm 807-1101.
- Blagden, 1899. "The Name 'Melayu'" dlm. *JMBRAS*. Jun No. 32.
- Brennan, Hugh, 1992. "Peminjaman Leksikal dalam Bahasa Melayu" dlm. *Dewan Bahasa*. 36(6) Jun, hlm. 552-65.
- Collins, James T. 1994. "Bahasa Melayu di Batas Zaman: Renungan Sejarah, Ramalan Arah" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 38(6) Jun, hlm. 484-95.
- Collins, James T. dan Schmidt, Han, 1992. "Bahasa Melayu di Pulau Ternate: Maklumat Tahun 1599" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 36 (4) April, hlm. 292-327.
- Daftar Ejaan Rumi-Jawi*, 1988. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gallop, Annabel T. 1994. *The Legacy of Malay Letter = Warisan Warkah Melayu*; With an Essay oleh E. Ulrich Kratz. London: The British Library.
- Hamdan Hassan, 1972. "Proses Peminjaman Kata Arab dalam Bahasa Melayu, dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 16(7) Julai, hlm. 297-303.
- Hashim Haji Musa, 1997a. "Sejarah Awal Kemunculan dan Pemaparan Tulisan Jawi di Asia Tenggara" dlm. *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Hashim Haji Musa, 1997b. *Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa, 1979. "Penghuraian Kata Nama dalam Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 21(7) Julai.
- Hirobumi, Sato, 1997. *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Dato' Muda Linggi, 1921. *Kitab Loghat Melayu*. [t. t.]: [t. p.].
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, 1995; *Susunan Zainal Abidin Safarwan.*: Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Kamus Dewan* disusun oleh Teuku Iskandar. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kang Kyong Seouk, 1990. *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Hussain, 1978. "Kata-kata Pinjaman Bahasa Sanserkata dalam Bahasa Malaysia" dlm *Jurnal Dewan Bahasa*. Julai, hlm. 469-92.
- Kratz, E.U. 1987. "Some Malay Letters on Trade" dlm. *Indonesia Circle* No.44, November, hlm. 3-16.

- Linehan, W. 1947. "The Kings of the 14th Century" dlm. *Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland Malayan Branch*. Vol. 20.
- Marsden, W. 1812. *A Grammar of the Malayan Language*. London: Crosby Lockwood & Son.
- Muhammad Said Sulaiman, Mejar Dato'. *Peredar Angka 22 (PBP Diraja): Perihal Menulis Surat Kiriman*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.
- Nik Maimun bt. Kundor, 1996. "Surat-surat Francis Light: Satu Analisis Laras Surat Melayu Lama" [Latihan Ilmiah, Rancangan Bahasa Melayu, Universiti Malaya, 1995/96.
- Nik Safiah Karim, 1993. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, 1990. *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- "Pameran Warisan Warkah Melayu" 1996. [Edisi Sabah/Sarawak] dlm. *Berita Harian*. 31Ogos, hlm. 12.
- Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*, 1986. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radzuan Ghazali, 1996. "Warkah Lama Lambang Tamadun" dlm. *Berita Harian* 1 April, hlm. 25.
- Rahim Aman, 1998. "Beta," "Adakah Warisan Peradaban Melayu?: Satu Cerapan Teks Klasik Melayu" [Kertas Kerja] Seminar Kesusasteraan Melayu Tradisional, Kuala Lumpur, 2-3 September.
- Ramasamy, C. 1996. "Pameran Surat Melayu" dlm. *Harian Metro* 6 Julai, hlm. 8.
- Rohaizan bt. Mohd. Ghani, 1993. "Surat-surat Abad ke-18: Analisis Morfologi dan Sistem Tulisan Jawi" [Tesis B.A, Universiti Malaya]. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- De Saussure, Ferdinand de, 1993. *Pengantar Linguistik Umum*; diterjemah oleh Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shellabear, W.G. 1898. "An Account of Some of the Oldest Malay Manuscripts Now Extant" dlm. *JMBRAS*. No. 3 Julai.
- Tasnim Mokhtar dan Badrulzaman Abdul Hamid, 1994. "Sistem Tulisan Jawi ke-19: Satu Perbandingan dengan Abad ke-14 dan Abad ke-16" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* Jil. 39 April, hlm. 339-66.
- Wan Shaghir Abdullah, 1990. "Karya-karya Klasik Abad ke-16: Bukti Bahasa Melayu Bahasa Ilmu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 34(2) Februari, hlm. 90-9.
- Winstedt, R. O. 1913. *Malay Grammar*. London: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), 1949. *Daftar Ejaan Melayu (Jawi-Rumi)*. Malay School Series No.31. Department of Education, Federation of Malaysia. Singapore: Printers Ltd.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), 1940. *Pelita Bahasa Melayu*. Penggal 1. Kuala Lumpur: Pejabat Karang-Mengarang.

BAHASA MELAYU DALAM WARKAH MELAYU TERPILIH

- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), 1928. "Jawi Spelling" dlm. *JMBRAS*. Vol. LV., hlm. 80-104.
- Zam Zam Omar 1994. "Warisan Warkah Melayu" dlm. *Berita Minggu* 11 September, hlm. 15.

LAMPIRAN A

WARKAH MELAYU TERPILIH DALAM TULISAN JAWI

WMT 1521

الفنح

- (1) راج سلطان الحايث سورة دانغ كقد مام راج فرتوكل راج اللد بلعلم
- (2) سمهان تون باسر كران دهول راج فرتوكل مائو فرغشكسر دانغ درمولك
- (3) بيناس درابن مكل راج مكل سمهان دغر فرطكي اد بناس درابن مكل راج
- (4) تدري دان جيلل دسوره امين سمهان برهيمه ماو بوته فد فرغشكسر
- (5) مكل راج توناه دغر سورة سودار دوو مياو و فراوه توجه بوه دا بيل فرغشكسر
- (6) مياو و كترانه مكل ناكري ترانه شرة ناكري فرتوكل مكل راج فرتوكل سورة كوال
- (7) مياو سورة دانغ فد راج ترانه كروال دان هرت دان لسكر اسر هكن فد ناغن راج
- (8) ترانه مكل جع ترانه دان كروال بلاير كليل موسم كاسق دانغ د بجهن مكل تدري دان جيلل دسوره
- (9) راج بجهن بوته فد اورغ فرطك د ايم د بجهن هرت دان لسكر سمهان درامفسر مكل راج ترانه
- (10) دغر مكل راج ترانهات بكمان راج فرتوكل جع دان هرت دان لسكر اسر هكن فد ناغن
- (11) كيت مارله جع دان هرت دان لسكر كيت سورة كليل كليل جع فاد كليل راج
- (12) فرتوكل جع دان هرت دان لسكر فاد كليل فاد راج له فد راج بجهن مكل راج بجهن فون
- (13) هادر له سخته تدري دان جيلل فون سرت بجهن سمهان لغك ليدري دان جيلل بجهن
- (14) لكر سورة انق فرمون ايت انق راج بجهن دلم راج ترانه فرمون ايض باسج مكل دفت دبون راج
- (15) لكر وقعه راج ترانه دهول راج تدري سورة جفت مياو فرغشكسر كليل فرغشكسر مياو فرغشكسر مياو فرغشكسر
- (16) ايت دبري راج مكل دانغ كرويه امفت هازي سلك مأت مراق هاري راج مات مكل
- (17) اي وقت مات ايت راج الحايث اسر هكن درفد مام راج فرتوكل كرا سورة ترانه لغك ليدري
- (18) راج فرتوكل كران تدري دان جيلل دان بجهن مكل هرت راج فرتوكل بقاغ فده
- (19) مام كاسه لكر تونغ فد ترانه سورة اين سفره كيت مياو بايون جا

الفرق بين سراج العالمين




بسم الله الرحمن الرحيم

- (1) ابن سراج عالم سراج العالمين حيا في سراج سراج سراج سراج سراج
- (2) الدنيا عالم الله في الدنيا سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (3) سلطان سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (4) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (5) ان سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (6) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (7) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (8) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (9) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (10) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (11) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (12) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (13) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (14) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج
- (15) سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج سراج

1) ...
 2) ...
 3) ...
 4) ...
 5) ...
 6) ...
 7) ...
 8) ...
 9) ...
 10) ...
 11) ...
 12) ...
 13) ...
 14) ...
 15) ...
 16) ...
 17) ...
 18) ...
 19) ...
 20) ...
 21) ...
 22) ...
 23) ...
 24) ...
 25) ...
 26) ...
 27) ...
 28) ...
 29) ...
 30) ...
 31) ...
 32) ...
 33) ...

1)
 2)
 3)
 4)
 5)
 6)
 7)
 8)
 9)
 10)
 11)
 12)
 13)
 14)
 15)
 16)
 17)
 18)
 19)
 20)
 21)
 22)
 23)
 24)
 25)
 26)
 27)
 28)
 29)
 30)
 31)
 32)
 33)



- (1) کتبه قریب من انظار من باجها بشک من بعضی مرتبه ها...
- (2) کتبه مایهت در حدیث...
- (3) در کتب...
- (4) در کتب...
- (5) در کتب...
- (6) در کتب...
- (7) در کتب...
- (8) در کتب...
- (9) در کتب...
- (10) در کتب...
- (11) در کتب...
- (12) در کتب...
- (13) در کتب...
- (14) در کتب...
- (15) در کتب...
- (16) در کتب...
- (17) در کتب...
- (18) در کتب...
- (19) در کتب...
- (20) در کتب...
- (21) در کتب...
- (22) در کتب...
- (23) در کتب...

- (1) سورتان اولر اخلاص برکاسر کسین موافقت بیجا ادر کس ناهن سالک ادر کس ناهن بکارن بکار و الامت باری دان بولور و وفد
- (2) بیت سینه کفن صحابت بیت کور ندر و بولور فینج بیغ جاقول بچیمان فدر منزه بر صحابت بل ایشان بر سینه
- (3) کمان احولا کفر سورست صحابت بیت بر عیاریفت مندا و اصل صحابت بیت فضل حاصل بولور
- (4) فینج هنده بر بزرگ اکبر کجی مالک بیت سورته تاقف فد و فد و فد سینه تاهن الیوم فد بولور
- (5) ایولور صحابه بیت دور و بولور فینج سینه فد سینه تاهن الیوم فد بولور
- (6) جا کجا یاقف تاهن الیم تاهن دان یاقف و این و ما سکن و غیره کون اوین دور و فینج صحابت
- (7) نیک لقر و سل و بیت تویم ایولور بیت ساکن و بیت سورته تاهن کجی دوها بولور سوره تاهن الیم

- (9) کفاح و کوان کیت هندت لکر بر لایر کنکری بقکا اولو دالم سفولر هقاری دلال
- (10) سوله اینی کسب ایتولر مکر کیت بر لکر امپور هکن خادر فند اکفاح مپیلان
- (11) صحیبه کیت کنکری کسفا خول اشوران حکو اد کپوان تو لیس دن اخلاص کسب
- (12) سوچ فوندهات صحیبه کیت سیلا کتله دغنی لکران اوله کیت مننت ونگری
- (13) کسفا خورا بر سام دغنی کوی تا دکر کلند یون فونون کسفا خورا کتله دن افسان
- (14) بر تمو صحیبه کیت دغنی کیت بولهلر کیت براختیز بر دو انجاری جان مول
- (15) فعت یخ کچیکین دان کانهغین بکیمان یخ جیدی بایک کوز صحیبه کیت بول
- (16) کیت ایلکون کوان دکتله اوان کومین در خورایت نیادانی کتله
- (17) اخلاص در خورایت هیلر کاین کخاله کون کسفا کون کتله کتله اوان
- (18) تر کراخ کورای این دالم ناکری کسفا خورا کتله سبیلن هقاری بولن شعبان

29

- (1) این کونیا کور کیم کفاد اوتوبند مر افاح در خور مجیددی کسفا خورا
- (2) و عیله در خورایت مکر اوله کیت بر موعا کون صحیبه کیت مکر اوله کیت
- (3) بر لایر کیم بوجو کول کتله تاغنی فغلام فرخ صحیبه کیت مپیلان کتله دن
- (4) مقصود کیت هندت بر تمو دغنی صحیبه کیت دان مقفان کون بکچیکین
- (5) بقکا اولو این داغ کنکری کسفا خورا دالم بولن شعبان این مکر کون بسر
- (6) ایتفون کتله کتله سبیلن دنگری کسفا خورا کتله لیم هقاری بولن شعبان
- (7) جسم فوکل انم مکر کون بسر ایتونون هندت لکر بر لایر کنکری بقکا اولو
- (8) حاجتی داغ هندت بر جف دغنی صحیبه کیت مکر ایتله کون بسر کیت

113
P. 113
1917

والله اعلم

- (1) ...
- (2) ...
- (3) ...
- (4) ...
- (5) ...
- (6) ...
- (7) ...
- (8) ...
- (9) ...
- (10) ...
- (11) ...
- (12) ...
- (13) ...
- (14) ...
- (15) ...
- (16) ...
- (17) ...
- (18) ...
- (19) ...



(20) ...

LAMPIRAN B

WARKAH MELAYU TERPILIH DALAM TULISAN RUMI

1: Surat Sultan Abu Hayat dari Ternate kepada Raja Portugal, [1521]

WMT 1521

ANTT Gavetas 15-16-58

al-Fattah

- (1) Raja Sultan Abu Hayat surat datang kepada
(2) mama Raja Portugal, raja (be)sar al-dunia alam
(3) semuhanya tuwan basar.
(4) Kerana dahulu Raja Portugal manyuruh
(5) Francisco Serrao datang dari Muluku binasa dari
(6) Ambon. Maka Raja Maluku semuhanya dengar
(7) Feringgi ada binasa dari Ambon, maka Raja
(8) Tidore dan Jailolo disuruh Ambon semuhanya
(9) berhimpah mau bunuh pada Francisco Serrao.
(10) Maka Raja Ternateh dengar disuruh saudara
(11) duwa membawah perauh tucuh buah diambil
(12) Francisco Serrao membawah ke Ternate. Maka
(13) nageri Ternate seperti nageri Portugal, maka Raja
(14) Portugal suruh karawal membawah surat datang
(15) pada Raja Ternate karawal dan harta dan lasykar
(16) aserahkan pada tangan Raja Ternate. Maka jong
(17) Ternate dan karawal balayar ke Melaka musim
(18) kasip dayam di Bajahan, maka Tidore dan Jailolo
(19) disuruh Raja Bajahan bunuh pada orang Feringgi
(20) dayam di Bajahan harta dan lasykar semuhanya
(21) dirampas. Maka Raja Ternate dengar, maka Raja
(22) Ternate kata, bagaimana Raja Portugal jong dan
(23) harta dan lasykar aserahkan pada tangan kita
(24) marilah jong dan harta dan lasykar kita suruh
(25) kembalik ke Melaka, jika tiada kembalik Raja
(26) Portugal jong dan harta dan lasykar tiada
(27) kembalik beparanglah pada Raja Bajahan. Maka
(28) Raja Bajahan pun hadirilah senjatah Tidore dan
(29) Jailolo pun serta Bajahan semuhanya lengkaplah.
(30) Tidore dan Jailolo Bajahan lekas suruh anak
(31) perempuan itu anak Raja Bajahan dalam Raja
(32) Ternate, perempuan itu kasih maka dapat
(33) diberinya rac(un) maka wafat Raja Ternate
(34) dahulu Raja Tidore suruh jemput membawah
(35) Francisco Serrao ke Tidore beri minum waktu itu
(36) diberi rac(un), maka datang ke rumah empat hari
(37) sakit mati berapa hari ... Raja mati. Maka ia
(38) waktu mati itu Raja Abu Hayat aserahkan
(39) daripada mama Raja Portugal kera(na) ... Ternate
(40) pelabuhan Raja Portugal, kerana Tidore dan
(41) Jailolo dan Bajahan bagi harta Raja Portugal
(42) beparang pada Ter<nate> ... <?kembalik>
(43) mama kasih lekas tholong pada Ternate, surat ini
(44) segerti kita membawah baik ja <hat>...
(45) Brown(1930:92-93).
(46) *Kersa:*
(47) ... Sultan Abu Hayat anak Sultan Bayan Sirullah
(48) surat datang pada mama Raja Portugal.

2. Surat Sultan Abu Hayat dari Ternate kepada Raja Portugal, [1522]

ANNT Gavetas 15-15-7

al-Ḥamd li-'llāh Rabb al-'Ālamīn
Yā 'Azīz yā Ghaffār

- (1) Ini surat kasih Sultan Abu Hayat surat datang
- (2) kepada ayahanda Sultan Portukal dunia alam
- (3) ialah yang maha besar, k-r-y mengatakan hal
- (4) negeri sangkalah sanakdah Sultan Bayan Sirullah
- (5) meninggalkan negeri Ternate, sekalianlah hal
- (6) negeri Ternate. Sekarang Raja Kastila datang dua
- (7) buah kapal mengantarkan senjatanya dan
- (8) hartanya dan memelihara bandar Raja Tidore,
- (9) bandar Raja Kastila sebenarnya, Sultan
- (10) Portukal memelihara Sultan Ternate, dari
- (11) kerana bandar Sultan Ternate bandar Sultan
- (12) Portukal. Sekarang ini Raja Kastila memberi Raja
- (13) Tidore bedil empat puluh buah bedil gandi tujuh
- (14) puluh gandi janci t(a)un ini kan datang ke Tidore
- (15) sebu(ah) kapal belayar bulan Muharam sebu(ah)
- (16) kapal tinggal, nantikan kapal dua puluh bu(ah)
- (17) taun lagi kan datang. Adapun anakdah Sultan
- (18) Abu Hayat tiada harap lain harap ayandah Sultan
- (19) Portukal, sebenarnya Sultan Portukal
- (20) memelihara anakdah pihatu lagi kanak-
- (21) kanak, sebenarnya memelihara negeri
- (22) Ternate.
- (23) Cendera mata anakdah tiada sepertinya,
- (24) *wa-al-salām bi-al-khayr.*
- (25) Brown (1930:95-96).

4. Surat izin berdagang di Aceh, [1602]

Bodleian Library, MS Douce Or. 5

- (1) Jawi yang dipersembahkan Kapitan Inggeris ini.
 (2) Aku raja yang kuasa yang di bawah angin ini,
 (3) yang memegang takhta kerajaan negeri Aceh, dan
 (4) negeri Samudara, dan segala negeri yang takluk
 (5) ke negeri Aceh. Maka sekalian kamu yang
 (6) menilik kepada surat ini, hendaklah dengan tilik
 (7) kebajikan dan tilik yang sejahtera. Dan kamu
 (8) dengarkan perkataan yang dalamnya, dan kamu
 (9) fahamkan segala perkataannya. Bahawa aku telah
 (10) bersabda dengan suka hatiku memberi kamu tahu
 (11) ini: Bahawa aku telah bersahabat dengan Raja
 (12) Inggitir, dan kamu pun bersahabat dengan segala
 (13) rakyat Raja Inggitir itu, seperti kamu bersahabat
 (14) dengan segala manusia yang lain dalam dunia ini;
 (15) dan berbuat baik akan orang itu, seperti
 (16) kamu berbuat baik akan orang yang lain itu.
 (17) Bahawa aku berbuat baik akan mereka itu, dan ku
 (18) terima mereka itu dalam negeri, dan ku terima
 (19) persembahan mereka itu dan menilik aku kepada
 (20) mereka itu, daripada aku hendak berkasih-
 (21) kasihan dengan Raja Inggitir itu, dan daripada aku
 (22) hendak berbuat baik akan segala orangnya itu.
 (23) Maka ku perbaiki akan mereka itu yang datang
 (24) sekarang ini, dan akan mereka itu yang lagi akan
 (25) datang pun; telah aku memberi kepercayaan akan
 (26) mereka itu yang datang ke Aceh dan ke
 (27) Samudara, dengan tiadalah lagi takut mereka
 (28) itu akan kapal mereka itu dan akan arta mereka
 (29) itu, dan akan segala mata benda yang dibawa
 (30) mereka itu, tiadalah mereka itu takut dan sangka
 (31) akan daku.
 (32) Dan akan segala kamu orangku pun, apabila
 (33) mereka itu membawa sesuatu mata benda dari
 (34) negerinya ke negeriku ini, maka meli berjuallah
 (35) kamu dengan dia, dan bertukar-tukaranlah kamu
 (36) dengan sesuatu mata benda yang ada padanya
 (37) dengan mata benda yang ada pada kamu; seperti
 (38) kamu beniaga dan bertukar-tukaran mata benda
 (39) dengan orang lain itu dalam agem mereka itu
 (40) daripada segala dagang-dagang pada beniaga dan
 (41) memeli lada dan memeli mata benda yang
 (42) lainnya, maka dengan orang Inggitir pun beniaga
 (43) kamu, dan meli berjual kamu. Dan orang Inggitir
 (44) itu pun, jika hendak ia nawun dalam negeri ku,
 (45) barang berapa kehendaknya, berkenanlah
 (46) kepadaku; dan jika ia hendak berlain pun dari
 (47) negeriku, berkenanlah padaku; maka jangan
 (48) seseorang pun melarangkan dia berlain itu.
 (49) Melainkan jikalau ada hak seseorang atasnya atau
 (50) pihuang seseorang atasnya, jika belum
 (51) dibayarnya, dan belum diputuskan hakim
 (52) hukumnya, maka jangan ia dahulu berlain,
 (53) hingga sudahlah hukumnya, maka ia berlain.
 (54) Maka hukum yang dihukumkan ini, beniaga dan
 (55) meli berjual dengan mata benda yang dibawanya
 (56) kepada negeri ku ini dan kepada segala negeri
 (57) yang takluk negeri ku ini, janganlah lagi mereka
 (58) itu takut dan sangka. Dan jangan kamu ambil
 (59) usur daripada segala saudagar yang dalam kapal
 (60) mereka itu, dan daripada segala orang Inggitir itu.
 (61) Dan segala orang Inggitir itu datang ke negeri
 (62) ku, dan berlabuh kapalnya di laut negeri Aceh,
 (63) dan di negeri Samudara, dan di negeri segala
 (64) takluk negeri Aceh, jika dirurumi taufan akan
 (65) kapalnya itu, maka takurlah ia akan karam
 (66) kapalnya itu daripada sangat taufan itu, jika
 (67) hendak ia menurunkan segala isi kapalnya itu,
 (68) dan minta tolong ia daripada kamu pada meminta
 (69) perahu yang kecil kecil dan sampun menurunkan
 (70) segala mata benda yang dalam kapal yang hendak
 (71) karam daripada sangat taufan itu, maka kamu
 (72) tolongi ia pada menurunkan segala mata
 (73) bendanya sebarang dapatnya. Apabila datanglah
 (74) mata bendanya itu ke darat, maka kamu
 (75) kembalikan kepada empunya mata benda itu. Jika
 (76) diberinya akan kamu dengan kasih hatinya
 (77) barang sesuatu akan hak kamu pada menurunkan
 (78) mata bendanya yang tersebut itu, kamu terima.
 (79) Dan jika mati seseorang daripada orang
 (80) Inggitir itu, maka tskala ia sakit akan mati itu
 (81) ada ia berpesan kepada seseorang mesankan
 (82) segala artanya dan segala arta orang yang
 (83) dibawanya itu pada menyuruh sampaikan kepada
 (84) segala keluarganya dan kepada empunya arta,
 (85) maka kamu sahkan wasiat mereka itu; dan jika
 (86) mati seseorang daripada orang Inggitir itu, maka
 (87) artinya ada pada seseorang saudagar orang
 (88) Inggitir atau pada seseorang saudagar orang yang
 (89) lain maka arta itu thabit ada pada orang itu,
 (90) kawan ia beniaga dan meli berjual; maka kamu
 (91) hukumkan seperti hukum yang berlaku dalam
 (92) negeri. Dan jika berhukum seseorang orang
 (93) Inggitir, dakwanya kendirian sama kendirian atau
 (94) dengan orang lain, maka kamu hukumkan seperti
 (95) hukum isi negeri.
 (96) Shellabear (1897:117-9)

5. Surat Sultan Iskandar Muda dari Aceh
kepada Raja Inggeris James I, AH 1024
(AD 1615)

Bodleian Library, MS Laud Or. Rolls b.1

Huwa 'lalah ta'ald

(1) Surat daripada Seri Sultan Perkasa Alam johan
(2) berdaulat, raja yang beroleh martabat kerajaan,
(3) yang dalam takhta kerajaan yang tiada terlihat
(4) oleh penglihat, yang tiada terdengar oleh
(5) penengar, yang bermaligai gading, berukir
(6) berkerawang, bersendi bersindura, bewarna
(7) sadalinggam, yang berair emas, yang beristana
(8) sayojana menentang, yang bersungai berikat batu
(9) pelinggam, yang upama cermin sudah terupam,
(10) yang berpanchuran emas bepermata beberapa
(11) daripada pancuran perak; raja yang
(12) mengampukan perbendaharaan daripada seni
(13) emas, dan seni perak, dan daripada galian emas
(14) yang dalam negeri Priaman pada gunung negeri
(15) Salida; yang mengampukan permata sembilan
(16) jenis, yang berpayung emas bertimbalan yang
(17) beratnya berratus kati; yang berpeterana emas,
(18) yang berciu emas; raja yang mengampukan kuda
(19) yang berpelana emas, yang berrumbai-rumbaikan
(20) emas, yang beratnya berratus kati, yang
(21) berkebang emas bepermata; raja yang berzirah
(22) suasa, dan berketopong suasa, dan yang bergajah
(23) bergading emas, berkumban perak, bergenta
(24) suasa, yang berrantai suasa; raja yang bergajah
(25) berrengka tinggi suasa, dan yang berprisai suasa,
(26) dan yang berlembing suasa, dan yang istinggar
(27) suasa, dan yang berkuda yang berpelana suasa,
(28) dan yang bergajah kursi perak, dan yang berkop
(29) perak, dan yang bergong suasa, dan yang beralat
(30) emas dan suasa dan perak, dan yang bertimba
(31) emas bepermata; raja yang menyenggerahkan
(32) nisan diri daripada nisan emas, yang bergelar
(33) Megat Alam, yang turun-temurun daripada raja
(34) bernisyan suasa; raja yang mengampukan raja-
(35) raja yang berratus-ratus daripada pihak mashrak,
(36) yang dalam negeri yang takluk ke Deli, dan yang
(37) dalam negeri yang takluk ke Batu Sawar, dan
(38) daripada pihak maghrib, yang dalam negeri yang
(39) takluk ke Priaman, dan ke Barus; raja yang
(40) memuat gajah peperangan tujuh puluh dari laut,
(41) dan beberapa daripada segala pakaian, dan
(42) persenggrahan yang indah-indah, dan daripada
(43) segala senjata yang mulia-mulia; raja yang
(44) beroleh kelebihan daripada limpah kelebihan
(45) Tuhan seru alam sekalian dalam takhta kerajaan
(46) negeri Aceh Darussalam, iaitu raja yang netfasa
(47) mengucap puji-pujian akan Tuhan seru alam
(48) sekalian daripada dilimpahkannya kelimpahan
(49) karunianya pada menyerahkan negeri daripada
(50) pihak masyrak seperti Lubok dan Pedir dan
(51) Semerlang dan Pasangan dan Pasai dan Perlak

(52) dan Basitang dan Tamiyang dan Deli dan Asahan
(53) dan Tanjung dan Pani dan Rekan dan Batu Sawar
(54) dan segala negeri yang takluk ke Batu Sawar dan
(55) Perak dan Pahang dan Inderagiri, maka daripada
(56) pihak maghrib seperti negeri Calang dan Daya
(57) dan Barus dan Pasaman dan Tiku dan Priaman
(58) dan Salida dan Inderapura dan Bengkulu dan
(59) Salibar dan Palembang dan Jambi; datang kepada
(60) raja yang di negeri Inggeris yang bernama Raja
(61) Yakub, yang mengampukan negeri Britani dan
(62) negeri Fransi dan negeri Irlandia. Dikekalkan
(63) Tuhan seru alam sekalian jua kiranya
(64) kerajaannya, dan ditolonginya jua kiranya ia
(65) daripada segala seterusnya.

(66) Setelah itu barang tahu kiranya raja bahawa
(67) hamba terlalu sukacita menengar bunyi surat
(68) yang disuruh raja persembahkan kepada hamba
(69) itu. Maka ada tersebut dalamnya bahawa raja
(70) mohonkan barang dapat orang Inggeris beniaga
(71) dalam negeri Tiku dan Priaman, dan barang
(72) dapat orang itu duduk beniaga di sana, seperti
(73) pada zaman Paduka Marhum Said al-Mukammal
(74) itu. Maka titah hamba bahawa orang Inggeris
(75) yang seperti dikehendaki raja itu tiada dapat kita
(76) beri beniaga di negeri Tiku dan Priaman, dan
(77) tiada dapat duduk beniaga di sana, kerana negeri
(78) itu negeri dusun, lagi jauh daripada kita. Jika
(79) dianiaya orang Tiku atau orang Priaman akan
(80) orang itu, niscaya keji bunyi kita kepada Raja
(81) Yakub itu. Dengan anugerah Tuhan seru alam
(82) sekalian, jika hendak orang Inggeris yang hamba
(83) pada raja itu beniaga, maka benialah ia dalam
(84) negeri Aceh; dan jika ia hendak mengantarkan
(85) pertunya beniaga, dalam negeri Aceh
(86) dihantarkannya; supaya barang siapa berbuat
(87) aniaya ke atasnya segera kita periksa, dan kita
(88) hukumkan dengan hukuman yang adil, daripada
(89) bahawa ia hamba pada raja yang berkirim-
(90) kiriman surat dengan kita itu. Disejahterakan
(91) Tuhan seru alam jua kiranya Raja Yakub dalam
(92) takhta kerajaan Inggeris itu selama-lamanya.
(93) Adapun surat ini disurat dalam negeri Aceh
(94) pada bilangan Islam seribu dua puluh empat
(95) tahun.
(96) Shellabear (1897:126-8)

8. Surat Sultan Gandam Syah dari Muko-Muko kepada East India Company, [September 1733].

BL SFR G/35/8, L577

Cap: Seri Sultan Gandam Syah

Qawluh al-haqq 2 2 2 2

- (1) Surat tulus dan ikhlas serta tabik banyak2 serta
 (2) dengan putih hati jua adanya daripada tiap2
 (3) malam dan siang tiada bermasa dan ketika, iaitu
 (4) daripada tiap2 masa Yang Dipertuan Seri Sultan
 (5) Gandam Syah dalam Muko2 adanya, disampaikan
 (6) Allah taala kiranya kepada Kompeni dalam negeri
 (7) Inggran yang menjadi kepala kepada segala
 (8) tempat negeri yang ada duduk orang putih
 (9) Inggr(s) pada tiap2 negeri yang besar2 dari atas
 (10) angin sampai ke bawah angin, masyhurlah adil
 (11) murah Kompeni pada tiap2 negeri dan bandar
 (12) yang besar2 dan adalah segala hamba Allah itu
 (13) menerima seju' dan kenauangan dan
 (14) kesentoyahan sebab beroleh keadilan Kompeni
 (15) serta dengan kemurahannya adanya.
 (16) Barang tahu Kompeni akan hal peri hal
 (17) hamba atas berikirim surat tabik banyak2 ini akan
 (18) memberi tahukan minta hamba banyak2 kepada
 (19) Kompeni, dan jikalau adakan patut di dalam pikir
 (20) Kompeni akan seperti minta hamba itu, baik
 (21) Kompeni menaruh kota batu di dalam Muko2
 (22) supaya segala hati menteri dan peruatan seju'
 (23) hatinya. Dan lagi pada tiap2 negeri yang ada
 (24) ampir itu, biar kecil hatinya yang hendak berbuat
 (25) jahat kepada hamba dan kepada menteri dan
 (26) peruatan yang ada di bawah perintah hamba,
 (27) supaya Kompeni tahu adanya. Kemudian daripada
 (28) itu pikir hamba meski hamba mati, tinggal
 (29) kepada barang siapa yang akan menjadi raja di
 (30) dalam Anak Sungai tidaklah pada perniagaan
 (31) Kompeni seperti lada akan kurang lagi, melainkan
 (32) akan bertambah2 jua pada tiap2 musin, supaya
 (33) orang kaya Kompeni tahu adanya. Kemudian
 (34) daripada itu pula di dalam pikir hamba belumlah
 (35) raja2 yang dahulu2 meminta seperti minta hamba
 (36) itu karena di dalam hati hamba maka hamba
 (37) berani meminta seperti itu biar kekal selamanya2
 (38) Kompeni memegang Anak Sungai supaya
 (39) senang dan sentosa segala isi negeri yang ada di
 (40) bawah perintah hamba. Dan lagi biar bertambah2
 (41) keras hati segala menteri dan peruatan
 (42) mengerjakan perniagaan Kompeni seperti kebun
 (43) lada itu di dalam Anak Sungai, itu2 di dalam pikir
 (44) hamba. Dan jikalau adakan patut di dalam pikir
 (45) Kompeni akan seperti minta hamba itu adanya.
 (46) Kemudian daripada itu pikir hamba, segala
 (47) Kompeni itu susah dan barang akan berapa akan
 (48) belanja Kompeni mengerjakan kota batu itu, dan
 (49) lagi pagar saya dan tempat Kompeni sekali seperti
 (50) dahulu yang akan susah jua Kompeni
 (51) mengerjakan tempat itu, pikir hamba
 (52) sunggupun seperti itu minta hamba melainkan
 (53) Kompeni punya wardi hamba dengar supaya
 (54) Kompeni tahu adanya.
 (55) Kemudian daripada itu minta hamba
 (56) banyak2, dan jikalau adakan patut di dalam pikir
 (57) Kompeni, beri hamba satu tanda kesukaan
 (58) Kompeni yang akan hamba pegang, meski upama
 (59) daun kayu sehelai yang tiada akan habis
 (60) selamanya2, meski hamba mati beri tinggal
 (61) kepada raja yang lain di belakang hamba, barang
 (62) siapa patut di dalam pikir Kompeni adanya.
 (63) Kemudian daripada itu boleh Kompeni bertanya
 (64) kepada Kapitan r-a-b-n dh-y-k-n akan tempat
 (65) Kompeni di dalam Muko2, karena Kapitan itu ada
 (66) sama2 dengan hamba ke Bantol Teramang
 (67) berdacing lada yang dibawa kapal itu. Kapitan itu
 (68) ada melihat semuanya baik dan jahatnya di dalam
 (69) Anak Sungai itu, supaya Kompeni tahu adanya.
 (70) Satu pun belum cendera mata hamba kepada
 (71) Kompeni melainkan hati putih dan jernih pada
 (72) tiap2 malam dan siang. *Tammal al-kalim*
 (73) *wa-tidhu alam bi-al-h-w-a-b.*

**26. Surat Raja Kedah kepada F.Light, 2 Syawal
1206 (24 May 1792)**

BL Add.45271, f.10

Cap: [lihat cat.16]

al-Mustahaqq

- (1) Surat tulus ikhlas berkasih-kasih muafakat
- (2) yang tiada berkesudahan selagi ada perkitaran
- (3) cakrawala matahari dan bulan, daripada beta
- (4) sampai kepada sahabat beta Gurnadur Pulau
- (5) Pinang yang akal bijaksana pada perintah
- (6) bersahabat telah masyhur sampai ke mana2.
- (7) Ehwal akan surat sahabat beta beri mari pinta
- (8) tanda wasil sahabat beta pasal hasil Pulau Pinang
- (9) hendak beri pergi akan Kompeni, maka sudah
- (10) beta suruh t-a-q-f pada daftar daripada sanat 1201
- (11) [AD 1786] tahun, itulah mula sahabat beta duduk
- (12) di Pulau Pinang, sampai pada sanat 1206 [AD
- (13) 1792] tahun alif pada bulan Ramadan, jadi
- (14) banyak tahun lima tahun, dan banyak rialnya
- (15) dimasukkan dengan harga apiun dua puluh peti
- (16) jadi tiga laksa rial, sudah beta terima, itulah beta
- (17) nyatakan.
- (18) Dibuat surat hari Khamis dua hari bulan
- (19) Syawal sanat 1206 tahun alif. Tamat.

66. Surat W.Farquhar kepada Datuk Bendahara Pahang, 19 Syaaban 1234 (13 June 1819).

BL Add.12398, ff.14v-15r

- (1) 29. Ini kupia surat kirim kepada Datu' Bendahara
- (2) Pahang daripada Mijir dari Singapura
- (3) Wabadahu daripada itu maka adalah kita
- (4) bermaklumkan kepada sahabat kita maka adalah
- (5) kita berkirim sepucu' surat kepada tangan
- (6) Panglima Perang sahabat kita, menyatakan kasad
- (7) dan maksud kita hendak bertemu dengan sahabat
- (8) kita, dan mengatakan Tuan Besar Gabenur
- (9) Bengkaulu akan datang ke negeri Singapura
- (10) dalam bulan Syaaban ini. Maka Tuan Besar
- (11) itupun telah selamatlah sampai di negeri
- (12) Singapura kepada lima hari bulan Syaaban jam
- (13) pukul enam. Maka Tuan Besar itupun hendak
- (14) segera berlayar ke negeri Bengkaulu, hajatnya
- (15) datang hendak berjumpa dengan sahabat kita.
- (16) Maka inilah Tuan Besar serta kita menyuruhkan
- (17) paduka nenda Engku Uthman menyilakan
- (18) sahabat kita ke negeri Singapura, maka dalam
- (19) Tuan Besar itu menanti sahabat kita di Singapura,
- (20) demikian adanya. Kemudian daripada itu suatu
- (21) pun tiada apa tanda ikhlas daripada kita, hanyalah
- (22) tabi' kita kepada sahabat kita adanya.
- (23) Terkarang surat ini kepada sembilan belas
- (24) hari bulan Syaaban sanat 1234.

Qawluh al-haqq

- (1) Bahawa ini surat sembah serta hormat mulia serta
(2) beberapa tabik, iaitu daripada sahaya Munsyi
(3) Abdullah bin Abdul Kadir yang ada pada masa ini
(4) dalam negeri Singapura menjadi guru kepada
(5) segala orang besar2 dan tuan2 orang putih, maka
(6) barang disampaikan Allah Tuhanyseru sekalian
(7) alam apalah kiranya datang ke hadapan majlis
(8) Tuan Dulaurier yang telah diberi Allah pangkat
(9) kebesaran dan kemuliaan yang ada menjadi guru
(10) dan profesor dalam Oriental Kolej di negeri Paris,
(11) maka sahaya pohonkan barang ditambah2 Tuhan
(12) Allah ilmu dan kepandaiannya supaya adalah
(13) akan tempat kita bertolong2ngan antara tuan
(14) dengan sahaya dalam pekerjaan bahasa Melayu
(15) adanya.
(16) Wabadahu daripada itu maka inilah sahaya
(17) melayangkan secarik kertas ini akan menjadi
(18) ganti batang tubuh sahaya datang mengadap
(19) tuan, serta bermaklumkan adapun surat serta
(20) suatu kitab daripada tuan yang dibawa oleh Tuan
(21) Rey itu telah sampailah kepada sahaya. Maka
(22) segala perkara yang tersebut dalamnya itupun
(23) telah mafhumlah sahaya. Syahadan maka
(24) terlalulah sukacita hati sahaya sebab menengar
(25) ada tuan menyalin kisah pelayaran sahaya itu
(26) dalam bahasa Peransis, supaya masyhurlah nama
(27) tuan dengan nama sahaya, dan boleh menjadi
(28) kesenangan kepada segala tuan2 orang Peransis
(29) yang hendak belajar bahasa Melayu adanya. Dan
(30) lagi seperti perkataan yang bulum tuan mengerti
(31) yang dibawa oleh Tuan Rey itupun sudahlah
(32) sahaya mengertikan, adalah dikirimkannya
(33) bersama2. Dan lagi sahaya bermaklumkan kepada
(34) tuan adapun seperti hikayat2 Melayu itu sudahlah
(35) puas sahaya carikan. Adalah sudah dapat perkara
(36) yang tiada dalam surat yang Tuan Rey itu bawa
(37) semuanya sudah sahaya baca. Inilah nama2
(38) hikayat itu serta dengan harganya, melainkan
(39) yang mana tuan mau bolehlah ambil.
(40) Dan lagi sahaya nyatakan kepada tuan insya-
(41) Allah dalam sedikit hari lagi nanti sahaya capkan
(42) Hikayat Abdullah namanya dari hal kehidupan
(43) sahaya, adalah kiranya 700 muka kitab itu dengan
(44) huruf Melayu. Maka sudahlah sahaya salinkan
(45) dari bahasa Inggeris punya kitab2 seperti Hikayat
(46) Dunia iaitu Geography, dan Ilmu Bintang dan
(47) Ilmu Tabiat, dan Hikayat Eropah, dan Hikayat
(48) Kapal Asap, dan Hikayat Binatang iaitu Natural
(49) History. Maka adalah sekarang tengah sahaya
(50) salinkan Bunyan Progras, sudah habis separu. Ada
(51) sahaya dengar khabar tuan Rey kata tuan ada
(52) capkan Syair Ken Tabuhan, jikalau sudah habis
(53) sahaya hendak satu kopi. Dan lagi maklumlah
(54) tuan hikayat2 ini terlalu mahal harganya sebab
(55) ditulis dengan tangan, empat lima bulan baharu
(56) habis satu kitab, itulah menjadi mahal harganya.
(57) Adapun seperti tuan kehendaki kitab2 yang
(58) dibuat di Singapura atau Melaka dan Pulau
(59) Pinang, melainkan dalam Singapura sahaja yang
(60) ada. Maka adalah suatu syair yang baharu sahaya
(61) karangkan, iaitu dari hal suatu api besar di
(62) Kampong Gelam, maka adalah sahaya beri kepad
(63) tuan satu gulung di tangan Tuan Rey. Maka
(64) sekarang pun sahaya pinta banyak2 kepada tuan,
(65) jikalau ada barang pekerjaan yang tuan kehendak
(66) baik di Melaka atau Pulau Pinang atau Singapura
(67) dari hal Melayu dan sebagainya, sahaya
(68) tanggunglah di atas kepala sahaya. Maka
(69) janganlah berkeputusan kita bersurat2tan antara
(70) tuan dengan sahaya adanya.
(71) Dan lagi sahaya nyatakan kepada tuan adalah
(72) sudah sahaya himpunkan beberapa banyak
(73) perkataan bahasa Melayu yang tiada di dalam
(74) kitab loghat tuan Marsden itu. Maka ada datang
(75) seorang tuan Belanda dari Betawi, nama van
(76) h-w-p-l, ia meminta hendak dibelinya kitab itu,
(77) katanya ia hendak bawa pergi ke Betawi hendak
(78) dicapkannya dalam bahasa Belanda. Sahaya tidak
(79) beri karena kehendak sahaya hendak menjadikan
(80) dia dalam bahasa Inggeris. Kalau dengan tolongar
(81) Allah taala maka adalah kehendak hati sahaya
(82) terlalu banyak hendak belajar bahasa Peransis,
(83) karena banyak orang2 Peransis yang datang ke
(84) Singapura hendak belajar bahasa Melayu, ia tiada
(85) tau bahasa Inggeris, sahaya tiada tau bahasa
(86) Peransis, menjadi terlalu susah adanya. Dan lagi
(87) jikalau tuan ada perkara perkara perkataan
(88) Melayu yang tuan belum mengetahui tuan
(89) kirimlah surat, boleh sahaya mengertikan, kita
(90) seperti saudaralah adanya, seorang menolong
(91) seorang, antara sahaya dengan tuan. Sahaya mint
(92) tolong kepada tuan jikalau ada kitab tauladan
(93) orang hendak belajar menulis bunga2 tolonglah
(94) tuan belikan, karena sahaya hendak menghuat
(95) tauladan dan lagi satu peti dawat2 berjenis2
(96) warna membuat bunga2 adanya. Tamat.
(97) Tersurat dalam negeri Singapura kepada
(98) sehari bulan Agustus tahun Masehi sanat 1847
(99) iaitu kepada 18 hari bulan Syaaban al-mukaram
(100) Hijrat 1257.